



26 Mei 2011
26 May 2011
P.U. (A) 175

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE

UNDANG-UNDANG KECIL LEMBAGA PELABUHAN JOHOR (SKALA CAJ) 2011

JOHOR PORT AUTHORITY (SCALE OF CHARGES) BY-LAWS 2011



DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA LEMBAGA PELABUHAN 1963

UNDANG-UNDANG KECIL LEMBAGA PELABUHAN JOHOR
(SKALA CAJ) 2011

BAHAGIAN I

PERMULAAN

1. Nama dan permulaan kuat kuasa
2. Tafsiran

BAHAGIAN II
CAJ AKAUN VESEL

3. Jenis caj
4. Caj marin yang disatukan
5. Caj penahanan malim
6. Caj penahanan kapal tunda
7. Caj permintaan lewat, perubahan atau pembatalan
8. Caj perkhidmatan kapal tunda
9. Caj perkhidmatan tambatan
10. Caj perkhidmatan pemaliman
11. Dius pelabuhan
12. Dius simpan tunggu
13. Caj dokej
14. Caj pembatalan bagi membatalkan tempat himpitan yang diperuntukan di terminal pukal dan pecah pukal
15. Caj dermaga ke atas dermaga yang dikendalikan secara persendirian
16. Caj pemunggahan kargo
17. Caj ro-ro
18. Caj penumpang
19. Caj pengendalian bagi kontena

20. Caj pengendalian tambahan bagi mengalihkan kontena dan kargo tidak berkontena
21. Caj pembatalan bagi membatalkan tempahan tempat himpitan yang diperuntukkan di terminal kontena

BAHAGIAN III

CAJ AKAUN PEKAPAL ATAU PENERIMA KONSAIN

22. Jenis caj
23. Caj am
24. Caj perkhidmatan dermaga
25. Caj perkhidmatan pemindahan
26. Caj penyimpanan bagi kargo pukal dan pecah pukal
27. Caj perkhidmatan dermaga di dermaga yang dikendalikan secara persendirian
28. Caj pengendalian bagi kargo pukal

BAHAGIAN IV

CAJ AKAUN VESEL, PEKAPAL ATAU PENERIMA KONSAIN

29. Jenis caj
30. Caj jambatan timbang dan penimbang
31. Caj bagi penggunaan ruang gudang atau tempat simpanan terbuka
32. Caj penyimpanan bagi kontena
33. Caj perkhidmatan kontena sejuk
34. Caj pengendalian bagi kontena DLU, kontena rosak atau kontena bukan berstandard ISO
35. Caj pengalihan bagi kontena DLU, kontena rosak atau kontena bukan berstandard ISO
36. Caj pengalihan bagi mengalihkan kontena ke Ruang Pemeriksaan Kastam
37. Caj penyimpanan bagi kontena di Ruang Pemeriksaan Kastam
38. Caj penyimpanan kontena di SBK

39. Caj bagi kargo yang diterima di SBK
40. Caj pengendalian SBK
41. Caj SBK bagi penghantaran lewat kargo, penerimaan lewat arahan pengisian dan pelepasan lewat daripada Pihak Berkuasa Zon Bebas dan Kastam
42. Caj penyimpanan bagi kargo di SBK
43. Caj masa penutupan
44. Caj kontena ditinggalkan kapal dan penukaran vesel
45. Caj pemuatan kontena tambahan
46. Caj kontena pelbagai

BAHAGIAN V

PELBAGAI

47. Kadar pindah kapal
 48. Kargo dieksport semula
 49. Kargo yang dipaletkan atau diunitkan
 50. Tanan yang boleh dikenakan caj
 51. Pembayaran caj
 52. Caj terkurang
 53. Caj berlebihan
 54. Syarat-syarat untuk menyewa kelengkapan mekanikal, peralatan dan perkakasan
 55. Syarat-syarat am
 56. Pembatalan
- Jadual Pertama
- Jadual Kedua
- Jadual Ketiga

AKTA LEMBAGA PELABUHAN 1963

UNDANG-UNDANG KECIL LEMBAGA PELABUHAN JOHOR
(SKALA CAJ) 2011

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 16 dan 29 Akta Lembaga Pelabuhan 1963 [*Akta 488*], Lembaga Pelabuhan Johor dengan kelulusan Menteri membuat undang-undang kecil yang berikut:

BAHAGIAN I

PERMULAAN

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Undang-undang kecil ini bolehlah dinamakan **Undang-Undang Kecil Lembaga Pelabuhan Johor (Skala Caj) 2011**.

(2) Undang-Undang Kecil ini berkuat kuasa pada 23 Ogos 2011.

Tafsiran

2. Dalam Undang-Undang Kecil ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain—

“barang berbahaya” ertinya barang berbahaya sama ada dalam bentuk bungkusan, berkontena atau diangkut secara pukal, dan termasuk barang yang diklasifikasikan oleh Lembaga ke dalam kumpulan yang dinyatakan dalam Jadual Pertama kepada Undang-Undang Kecil Lembaga Pelabuhan Johor 1979 [*P.U. (A) 50/1979*] dan menepati Kod PMA dan Kod BBMA yang berkaitan yang mungkin dipinda dari semasa ke semasa dan diguna pakai oleh Lembaga;

“bungkusan” termasuklah apa-apa kotak, bakul, tong, peti, bekas, guni, beg, pembalut, sampul atau lain-lain penutup atau benda lain yang dalamnya apa-apa kargo ditempatkan bagi maksud untuk dibawa, dikonsain, diangkut, diimport atau dieksport;

“caj dokej” ertinya caj yang dikenakan ke atas suatu vesel kerana menduduki suatu dermaga;

“CPT” ertinya caj pergerakan tambahan bagi apa-apa pergerakan tambahan kontena;

“dermaga” termasuklah mana-mana dinding dan bangunan yang bersambung dengan pesisir depan, dasar laut atau dasar sungai;

“dermaga Lembaga” ertinya dermaga, dok, pengkalan atau tempat pendaratan yang dikendalikan atau dikawal oleh Lembaga;

“ditinggalkan kapal”, berhubung dengan suatu cargo atau kontena, ertinya tidak dibawa dalam pelayaran vesel yang diniatkan bagi kargo atau kontena itu;

“hari”, berhubung dengan suatu transaksi, ertinya tempoh selama dua puluh empat jam dari waktu permulaan transaksi itu dengan Lembaga;

“kargo” hendaklah termasuk barang, ternakan, galian, barang-barang dan dagangan dari apa jua perihalan sama ada dalam kontena atau sebaliknya, dan bagasi dan barang peribadi penumpang;

“kargo pindah kapal” ertinya kargo yang didaratkan dari suatu vesel dan ditempatkan dalam jagaan Lembaga bagi maksud pengiriman di atas suatu vesel lain melalui bil muatan yang ditarik di pelabuhan di mana kargo itu dimuatkan dan yang menunjukkan bahawa destinasi adalah melalui Pelabuhan, dan destinasi pelabuhan terakhir yang hendaklah suatu pelabuhan selain Pelabuhan ditandakan pada setiap bungkusan atau unit yang mengandungi kargo itu dan diisytiharkan kepada Lembaga sebelum atau pada masa kargo itu diletakkan dalam jagaannya;

“kargo yang dipaletkan” ertinya kargo dalam bungkusannya atau unit kecil yang telah dibalut, diikat, atau dibalut dan diikat bersama dan ditempatkan di atas suatu palet;

“kargo yang diunitkan” ertinya kargo dalam bungkusannya kecil atau unit yang telah dibalut, diikat, atau dibalut dan diikat bersama sebagai satu unit;

“Ketua Pegawai” ertinya seorang personel yang diberi kuasa bertindak untuk dan bagi pihak Nakhoda vesel;

“Kod BBMA” ertinya Kod Barangan Berbahaya Maritim Antarabangsa yang disiarkan oleh PMA;

“Kontena DLU” ertinya kontena bersaiz standard ISO yang di luar ukuran kerana membawa apa-apa kargo yang bersaiz melebihi dimensi kontena itu;

“KMK” ertinya Kontena Muatan Kurang yang diisytiharkan oleh syarikat perkapalan atau ejennya dalam manifes, senarai pemunggahan kontena, senarai muatan atau penyata terdahulu eksport yang dikemukakan kepada Lembaga sebelum pemunggahan atau pemuatan ke atas vesel;

“KMP” ertinya Kontena Muatan Penuh yang diisytiharkan oleh syarikat perkapalan atau ejennya dalam manifes, senarai pemunggahan kontena, senarai muatan kontena atau penyata terdahulu eksport yang dikemukakan kepada Lembaga sebelum pemunggahan atau pemuatan ke atas vesel;

“kumpulan” ertinya suatu komposisi tenaga kerja yang terdiri daripada sebilangan pekerja berdasarkan sifat kargo dan kehendak pengendalian bagi kargo itu;

“Lembaga” ertinya Lembaga Pelabuhan Johor dan termasuklah pekhidmat dan ejennya;

“malam” ertinya tempoh dari jam 1900 pada mana-mana hari hingga jam 0700 pada hari berikutnya;

“PK” ertinya panjang keseluruhan sesuatu vesel yang diukur dari titik paling hadapan vesel itu ke titik paling belakang vesel itu;

“palet” ertinya suatu peranti di atas dek yang baginya suatu kuantiti kargo boleh dihimpunkan untuk dijadikan satu unit muatan bagi maksud penghantaran kargo itu atau pengendalian dan penyusunan kargo itu dengan bantuan perkakas mekanikal dan dibuat daripada dua dek yang dipisahkan oleh halangan, atau satu dek yang disokong oleh kaki;

“pegawai pelabuhan” mempunyai erti yang diberikan kepadanya dalam Ordinan Perkapalan Saudagar 1952;

“Pelabuhan” ertinya Pelabuhan Pasir Gudang di dalam had kawasan yang diisytiharkan di bawah seksyen 6 Ordinan Perkapalan Saudagar 1952 [*Ord. 70/1952*];

“Pengurus Terminal” ertinya mana-mana pegawai yang bertanggungjawab bagi suatu kargo atau penumpang terminal dan termasuklah pembantunya dan mana-mana pegawai lain yang bertindak di bawah atau dengan kuasanya;

“Pihak Berkuasa Zon Bebas” ertinya Pihak Berkuasa Zon Bebas Pasir Gudang yang dilantik di bawah subseksyen 3(2) Akta Zon Bebas 1990 [*Akta 438*];

“PMA” ertinya Pertubuhan Maritim Antarabangsa;

“premis pelabuhan” termasuklah mana-mana tempat yang dimiliki atau diduduki oleh Lembaga dan diuntukkan olehnya bagi pendaratan dan pengapalan apa-apa kargo, termasuk mana-mana bahagian tebing sungai yang dimiliki atau diduduki sedemikian yang telah diperbaiki untuk memudahkan pendaratan dan pengapalan itu dan mana-mana

persisir depan yang dimiliki atau diduduki sedemikian dan digunakan bagi maksud sedemikian;

“SBK” ertinya Stesen Barangan Kontena di dalam premis pelabuhan;

“simpan tunggu” berhubungan dengan suatu vesel, ertinya tidak digunakan secara aktif dengan syarat bahawa nakhoda atau pemilik vesel itu telah memberikan notis bertulis kepada Lembaga dan pegawai pelabuhan bahawa vesel itu adalah dalam keadaan sedemikian, dan Lembaga dan pegawai pelabuhan itu telah memberikan kelulusan bertulis mereka;

“syif” ertinya tiga waktu bekerja yang berulang-ulang dalam satu hari seperti yang berikut:

- (a) syif pertama: dari jam 0700 sehingga jam 1500 pada hari yang sama;
- (b) syif kedua: dari jam 1500 sehingga jam 2300 pada hari yang sama; dan
- (c) syif ketiga: dari jam 2300 sehingga jam 0700 pada hari berikutnya;

“tan” ertinya satu tan metrik satu ribu kilogram atau satu meter padu;

“Tempat Berlabuh Diluluskan Lembaga” ertinya mana-mana tempat berlabuh yang diluluskan oleh Lembaga;

“TK” ertinya tanan kasar sesuatu vesel yang diukur mengikut Konvesyen Antarabangsa Pengiraan Pertanian Kapal 1982;

“transaksi” termasuklah semua perkhidmatan yang diberikan, dibekalkan atau disediakan oleh Lembaga atau penggunaan kemudahan Lembaga oleh pengguna pelabuhan.

BAHAGIAN II

CAJ AKAUN VESEL

Jenis caj

3. Lembaga boleh mengenakan jenis caj yang berikut ke atas pengguna pelabuhan dan caj itu hendaklah dikreditkan ke dalam akaun vesel:

- (a) caj marin yang disatukan;
- (b) caj penahanan malim;
- (c) caj penahanan kapal tunda;
- (d) caj permintaan lewat, perubahan atau pembatalan;
- (e) caj perkhidmatan kapal tunda;
- (f) caj perkhidmatan tambatan;
- (g) caj perkhidmatan pemaliman;
- (h) dius pelabuhan;
- (i) dius simpan tunggu;
- (j) caj dokej;
- (k) caj pembatalan bagi membatalkan himpitan yang diperuntukkan di terminal pukal dan pecah pukal;
- (l) caj dermaga di atas dermaga yang dikendalikan secara persendirian;
- (m) caj pemunggah kargo;
- (n) caj ro-ro;
- (o) caj penumpang;
- (p) caj pengendalian bagi kontena;
- (q) caj pengendalian tambahan bagi mengalihkan kontena dan kargo tidak berkontena; dan
- (r) caj pembatalan bagi membatalkan tempahan himpitan yang diperuntukan di terminal kontena.

Caj marin yang disatukan

4. (1) Seseorang pengguna pelabuhan, berhubung dengan suatu vesel yang tiba di dan berlepas dari Pelabuhan, hendaklah membayar caj marin yang disatukan kepada Lembaga bagi maksud menggunakan dermaga Lembaga pada kadar yang dinyatakan dalam Bahagian 1 Jadual Pertama.

(2) Caj marin yang disatukan hendaklah mengandungi caj yang berkenaan dengan—

- (a) perkhidmatan pemaliman;
- (b) perkhidmatan penundaan; dan
- (c) perkhidmatan tambatan.

Caj penahanan malim

5. (1) Seseorang pengguna pelabuhan hendaklah membayar caj penahanan malim kepada Lembaga jika—

- (a) malim menunggu di Tempat Naik Malim bagi ketibaan sesuatu vesel;
- (b) malim menunggu di dermaga untuk penganjakan atau perlepasan sesuatu vesel;
- (c) malim menunggu di atas sesuatu vesel di tempat berlabuh bagi ketibaan, penganjakan atau perlepasan; atau
- (d) malim ditempah atau ditugaskan tetapi tidak digunakan.

(2) Seseorang pengguna pelabuhan hendaklah membayar caj penahanan malim bagi setiap setengah jam atau sebahagian daripadanya yang dikira dari masa perkhidmatan itu diminta pada kadar yang dinyatakan dalam Bahagian 2 Jadual Pertama.

Caj penahanan kapal tunda

6. (1) Seseorang pengguna pelabuhan hendaklah membayar caj penahanan kapal tunda kepada Lembaga bagi penahanan kapal tunda disebabkan oleh kelewatan dalam perlepasan vesel sahaja bagi setiap setengah jam atau sebahagian daripadanya pada kadar yang dinyatakan dalam Bahagian 3 Jadual Pertama.

(2) Kelewatan dalam perlepasan vesel di bawah perenggan (1) hendaklah disebabkan oleh—

- (a) kargo, pemiliknya atau ejennya;
- (b) vesel, pemiliknya atau ejennya; atau
- (c) apa-apa punca lain yang di luar kawalan Lembaga.

Caj permintaan lewat, perubahan atau pembatalan

7. (1) Seseorang pengguna pelabuhan hendaklah membuat permintaan, perubahan atau pembatalan bagi perkhidmatan permaliman dan kapal tunda kepada Lembaga tidak kurang daripada dua jam sebelum perkhidmatan itu dikehendaki.

(2) Jika permintaan, perubahan atau pembatalan perkhidmatan itu dibuat kepada Lembaga kurang daripada dua jam dari masa perkhidmatan itu dikehendaki, pengguna pelabuhan itu hendaklah membayar caj permintaan lewat, perubahan atau pembatalan pada kadar yang dinyatakan dalam Bahagian 4 Jadual Pertama.

Caj perkhidmatan kapal tunda

8. (1) Seseorang pengguna pelabuhan boleh meminta perkhidmatan kapal tunda kepada Lembaga bagi—

- (a) membantu atau menganjakkan sesuatu vesel di dermaga Lembaga;

- (b) menghimpit, meninggalkan himpitan atau menganjakkan sesuatu vesel di jeti persendirian;
- (c) menunda atau mengiringi sesuatu vesel dalam Pelabuhan; atau
- (d) apa-apa perkhidmatan penundaan lain yang tidak diberikan di bawah subperenggan 4(2)(b).

(2) Seseorang pengguna pelabuhan yang membuat permintaan bagi perkhidmatan kapal tunda di bawah perenggan (1) hendaklah membayar kepada Lembaga caj perkhidmatan kapal tunda pada kadar yang dinyatakan dalam Bahagian 5 Jadual Pertama.

Caj perkhidmatan tambatan

9. Seseorang pengguna pelabuhan yang meminta perkhidmatan tambatan selain perkhidmatan tambatan bagi menghimpit semasa ketibaan atau meninggalkan himpitan semasa perlepasan yang diberikan di bawah subperenggan 4(2)(c) hendaklah membayar caj perkhidmatan tambatan kepada Lembaga pada kadar yang dinyatakan dalam Bahagian 6 Jadual Pertama.

Caj perkhidmatan pemaliman

10. Seseorang pengguna pelabuhan yang meminta perkhidmatan pemaliman selain perkhidmatan pemaliman yang diberikan di bawah subperenggan 4(2)(a) bagi memalimkan sesuatu vesel di, ke atau dari dermaga Lembaga, jeti persendirian atau mana-mana kawasan lain di dalam Pelabuhan hendaklah membayar caj perkhidmatan pemaliman kepada Lembaga pada kadar yang dinyatakan dalam Bahagian 7 Jadual Pertama.

Dius pelabuhan

11. (1) Seseorang pengguna pelabuhan hendaklah membayar dius pelabuhan kepada Lembaga berdasarkan PK bagi setiap vesel yang memasuki Pelabuhan seperti yang berikut:

- (a) dalam hal sesuatu vesel yang memuatkan atau memunggah apa-apa kargo atau mengambil atau menurunkan penumpang, pada kadar yang dinyatakan dalam Bahagian 8 Jadual Pertama; dan
- (b) dalam hal sesuatu vesel yang menduduki Tempat Berlabuh Diluluskan Lembaga atau suatu himpitan bagi mendapatkan bekalan minyak, mengambil bekalan kapal, membaiki kerosakan, menukar anak kapal atau menyimpan tunggu, pada kadar yang dinyatakan dalam Bahagian 9 Jadual Pertama.

(2) Walau apa pun perenggan (1), semua vesel kepunyaan Kerajaan Malaysia dikecualikan daripada membayar dius pelabuhan.

(3) Jika pengguna pelabuhan telah membayar dius pelabuhan yang berkenaan dengan sesuatu vesel sebanyak tiga kali dalam mana-mana satu bulan kalendar, dius pelabuhan selanjutnya bagi bulan itu hendaklah dikecualikan.

(4) Sesuatu vesel kepunyaan mana-mana pengguna pelabuhan yang singgah di Pelabuhan berdasarkan jadual bulanan layak bagi suatu rebet dius pelabuhan di bawah perenggan (1) pada kadar yang dinyatakan dalam Bahagian 10 Jadual Pertama.

(5) Bagi melayakkan diri untuk mendapatkan rebet yang disebut dalam perenggan (4), pengguna pelabuhan hendaklah—

- (a) memberitahu Lembaga terlebih dahulu mengenai ketibaan berjadual vesel itu di Pelabuhan dengan mengemukakan suatu jadual waktu;
- (b) membuktikan kepada Lembaga bahawa vesel itu telah tiba secara berjadual di Pelabuhan bagi satu bulan sebelum pemberitahuan di bawah subperenggan (a); dan
- (c) mengemukakan sijil pemilikan, perjanjian carter parti atau apa-apa dokumen lain yang hendaklah membuktikan pemilikan dan status vesel itu kepada Lembaga.

(6) Dius pelabuhan yang kena dibayar oleh pengguna pelabuhan yang disebut dalam perenggan (1) hendaklah dibayar terlebih dahulu pada hari pertama setiap bulan dan jumlah minimum yang kena dibayar adalah bagi satu bulan kalendar.

Dius simpan tunggu

12. Seseorang pengguna pelabuhan hendaklah membayar dius simpan tunggu bagi suatu vesel di Tempat Berlabuh Diluluskan Lembaga kepada Pihak Berkuasa pada kadar yang dinyatakan dalam Bahagian 11 Jadual Pertama.

Caj dokej

13. (1) Tertakluk kepada perenggan (3) dan (4), seseorang pengguna pelabuhan hendaklah membayar caj dokej kepada Lembaga pada kadar yang dinyatakan dalam Bahagian 12 Jadual Pertama.

(2) Caj dokej hendaklah dikira dari masa vesel itu ditambatkan di sisi dermaga Lembaga sehingga masa vesel itu berlepas dari dermaga itu.

(3) Dalam hal jika suatu vesel ditambatkan di sisi vesel lain yang dihimpitkan secara langsung di dermaga Lembaga, caj dokej, kecuali caj dokej bagi penumpang, hendaklah lima puluh peratus daripada caj yang dikenakan di bawah perenggan (1).

(4) Dalam hal jika sesuatu vesel mempunyai campuran dua atau lebih jenis kargo, caj dokej yang berikut hendaklah terpakai:

(a) jika dua atau lebih jenis kargo dikendalikan dengan serentak, caj dokej hendaklah dikira berdasarkan kadar bagi jenis-jenis kargo itu, yang mana lebih tinggi, dan tempoh bagi pengendalian secara serentak itu; dan

(b) jika dua atau lebih jenis kargo dikendalikan secara berasingan, caj dokej hendaklah dikira berdasarkan kadar masing-masing bagi jenis-jenis kargo itu dan tempoh bagi pengendalian berasingan itu.

(5) Apabila vesel tiba di dermaga Lembaga, pengguna pelabuhan diperuntukkan suatu tempoh selama dua jam bagi menyediakan pemuatan atau pemunggahan kargo dari masa vesel itu menghimpit di dermaga Lembaga.

(6) Jika seseorang pengguna pelabuhan melebihi tempoh yang diperuntukkan bagi menyediakan pemuatan atau pemunggahan kargo di bawah perenggan (5), pengguna pelabuhan itu hendaklah dikenakan suatu caj dokej tambahan berdasarkan kepada jam yang terlebih pada kadar yang dinyatakan dalam Bahagian 12 Jadual Pertama.

(7) Dalam hal operasi memuatkan atau memunggah kargo, pengguna pelabuhan diperuntukkan suatu tempoh selama satu jam jumlah pemberhentian bagi kelewatan.

(8) Jika seseorang pengguna pelabuhan melebihi tempoh yang diperuntukkan di bawah perenggan (7), pengguna pelabuhan itu hendaklah dikenakan suatu caj dokej

tambahan berdasarkan jam yang terlebih pada kadar yang dinyatakan dalam Bahagian 12 Jadual Pertama.

(9) Apabila pemuatan atau pemungghahan kargo ke dalam atau dari vesel disediakan, pengguna pelabuhan diperuntukkan suatu tempoh selama satu jam bagi perlepasan vesel dari dermaga Lembaga.

(10) Jika pengguna pelabuhan melebihi tempoh yang diperuntukkan di bawah perenggan (9), pengguna pelabuhan itu hendaklah dikenakan suatu caj dokej tambahan berdasarkan jam yang terlebih pada kadar yang dinyatakan dalam Bahagian 12 Jadual Pertama.

(11) Jam yang terlebih atau kelewatan di bawah perenggan (6), (8) dan (10) hendaklah disebabkan oleh—

- (a) kargo, pemiliknya atau ejennya;
- (b) vesel, pemiliknya atau ejennya; atau
- (c) apa-apa punca lain yang di luar kawalan Lembaga.

Caj pembatalan bagi membatalkan tempat himpitan yang diperuntukkan di terminal pukal dan pecah pukal

14. Seseorang pengguna pelabuhan hendaklah membayar caj pembatalan kepada Lembaga bagi pembatalan tempat himpitan yang diperuntukan di terminal pukal dan pecah pukal pada kadar yang dinyatakan dalam Bahagian 13 Jadual Pertama.

Caj dermaga di atas dermaga yang dikendalikan secara persendirian

15. Seseorang pengguna pelabuhan hendaklah membayar caj dermaga kepada Lembaga bagi memungghah atau memuatkan apa-apa kargo dari atau ke dalam vesel di mana-mana dermaga yang dikendalikan secara persendirian yang diluluskan di dalam Pelabuhan pada kadar yang dinyatakan dalam Bahagian 14 Jadual Pertama.

Caj pemungkah kargo

16. (1) Seseorang pengguna pelabuhan hendaklah membayar caj pemungkah kargo berkaitan dengan apa-apa kargo import atau eksport seperti yang berikut:

- (a) dalam hal pemungkah kargo yang memuatkan atau memungkah kargo ke dalam atau dari vesel, pada kadar yang dinyatakan dalam Bahagian 15 Jadual Pertama;
- (b) dalam hal pemungkah kargo yang mengalihkan kargo di atas vesel, pada kadar yang dinyatakan dalam Bahagian 16 Jadual Pertama; dan
- (c) dalam hal pemungkah kargo yang menunggu sedia tetapi tidak bekerja, pada kadar yang dinyatakan dalam Bahagian 17 Jadual Pertama.

(2) Suatu permohonan bagi pemungkah kargo untuk bekerja—

- (a) semasa syif pertama hendaklah dibuat kepada Lembaga tidak lewat daripada jam 1300 pada hari sebelum hari yang baginya perkhidmatan itu dikehendaki dan bagi kerja yang perlu dilaksanakan pada hari Ahad dan hari kelepasan am yang diwartakan, tidak lewat daripada jam 1100 pada hari sebelum hari yang baginya perkhidmatan itu dikehendaki;
- (b) semasa syif kedua hendaklah dibuat kepada Lembaga tidak lewat daripada jam 1000 pada hari yang sama perkhidmatan itu dikehendaki dan bagi kerja yang perlu dilaksanakan pada hari Ahad dan pada hari kelepasan am yang diwartakan, tidak lewat dari jam 1100 pada hari sebelum hari yang baginya perkhidmatan itu dikehendaki; dan

- (c) semasa syif ketiga hendaklah dibuat kepada Lembaga tidak lewat daripada jam 1200 pada hari yang sama perkhidmatan itu dikehendaki dan bagi kerja yang perlu dilaksanakan pada hari Ahad dan hari kelepasan am yang diwartakan, dibuat tidak lewat dari jam 1100 pada hari sebelum hari yang baginya perkhidmatan itu dikehendaki.

(3) Seseorang pengguna pelabuhan yang membuat apa-apa pembatalan permohonan atau permohonan lewat bagi pemungkah kargo di bawah perenggan (2) hendaklah membayar kepada Lembaga caj pada kadar yang dinyatakan dalam Bahagian 18 Jadual Pertama.

(4) Seseorang pengguna pelabuhan yang membuat pembatalan tempahan pemungkah kargo untuk bekerja pada syif pertama dan ketiga kurang daripada tiga jam sebelum permulaan syif itu hendaklah membayar caj kepada Lembaga pada kadar yang dinyatakan dalam Bahagian 17 Jadual Pertama.

(5) Jika perkhidmatan pemungkah kargo tidak dapat disediakan disebabkan oleh hujan, tiada caj pemungkahan kargo akan dikenakan ke atas pengguna pelabuhan itu.

Caj ro-ro

17. Seseorang pengguna pelabuhan hendaklah membayar caj ro-ro kepada Lembaga bagi menggunakan vesel ro-ro bagi maksud—

- (a) memuatkan atau memungkah kenderaan pada kadar yang dinyatakan dalam Bahagian 19 Jadual Pertama;
- (b) memuatkan atau memungkah apa-apa kargo pada kadar yang dinyatakan dalam Bahagian 20 Jadual Pertama; dan
- (c) memuatkan atau memungkah kontena menggunakan tanjakan vesel pada kadar yang dinyatakan dalam Bahagian 21 Jadual Pertama.

Caj penumpang

18. Mana-mana penumpang yang menaiki atau turun di dermaga Lembaga hendaklah membayar caj penumpang kepada Lembaga pada kadar yang dinyatakan dalam Bahagian 22 Jadual Pertama.

Caj pengendalian bagi kontena

19. (1) Seseorang pengguna pelabuhan hendaklah membayar caj pengendalian bagi kontena kepada Lembaga bagi pengendalian kontena yang menggunakan—

(a) kren Pelabuhan pada kadar yang dinyatakan dalam Bahagian 23 Jadual Pertama; dan

(b) kren vesel pada kadar yang dinyatakan dalam Bahagian 24 Jadual Pertama.

(2) Caj pengendalian bagi kontena di bawah perenggan (1) adalah bagi maksud yang berikut:

(a) dalam hal pengendalian kontena biasa KMK import yang mengandungi barang tidak berbahaya atau barang berbahaya Kumpulan III—

(i) bagi memunggah kontena biasa itu dari suatu vesel;

(ii) bagi memindahkan kontena biasa itu dari suatu dermaga ke suatu tempat simpanan kontena untuk disusun; dan

(iii) bagi menaikkan kontena biasa itu ke atas suatu treler syarikat pengangkutan untuk penghantaran;

- (b) dalam hal pengendalian kontena biasa KMP eksport yang mengandungi barang tidak berbahaya atau barang berbahaya Kumpulan III –
- (i) bagi mengangkat kontena biasa itu dari suatu treler syarikat pengangkutan;
 - (ii) bagi menyusun kontena biasa itu di suatu tempat simpanan kontena;
 - (iii) bagi memindahkan kontena biasa itu ke suatu dermaga kontena; dan
 - (iv) bagi memunggah kontena biasa itu ke atas suatu vesel;
- (c) dalam hal pengendalian kontena biasa KMP import yang mengandungi barang tidak berbahaya dan barang berbahaya Kumpulan I dan II–
- (i) bagi memunggah kontena biasa itu dari suatu vesel, tongkang atau baj; dan
 - (ii) bagi menaikkan kontena biasa itu ke atas suatu treler syarikat pengangkutan untuk penghantaran terus;
- (d) dalam hal pengendalian kontena biasa KMP eksport yang mengandungi barang berbahaya Kumpulan I dan II–
- (i) bagi mengangkat kontena biasa itu dari suatu treler syarikat pengangkutan; dan

- (ii) bagi memuatkan kontena biasa itu terus dari suatu treler syarikat pengangkutan ke atas suatu vesel, tongkang atau baj;
- (e) dalam hal pengendalian kontena biasa KMK import yang mengandungi barang tidak berbahaya atau barang berbahaya kumpulan III—
 - (i) bagi memunggah kontena biasa itu dari suatu vesel, tongkang atau baj;
 - (ii) bagi memunggah kontena biasa itu dari suatu vesel;
 - (iii) bagi memindahkan kontena biasa itu dari suatu dermaga kontena ke suatu tempat simpanan kontena untuk disusun;
 - (iv) bagi menaikkan kontena biasa itu ke atas suatu treler syarikat pengangkutan untuk dipindah ke SBK;
 - (v) bagi perkhidmatan angkut letak di SBK;
 - (vi) bagi mengeluarkan isi kontena biasa itu;
 - (vii) bagi memuatkan kargo pecah pukal ke atas suatu lori tetapi terhad kepada pembekalan satu forklift bermuatan empat tan dengan kelengkapan angkut biasa;
 - (viii) bagi caj am; dan
 - (ix) bagi mengembalikan kontena biasa itu ke depoh atas dok dalam Zon Bebas Pelabuhan Johor tidak termasuk perkhidmatan hitung kargo, pemeriksaan, pembersihan,

pembasuhan dan pembaikan kontena kosong atau bermuatan dan perkhidmatan angkut letak di depoh itu;

(f) dalam hal pengendalian kontena biasa KMK ekport yang mengandungi barang tidak berbahaya dan barang berbahaya Kumpulan III—

- (i) bagi memunggah kargo pecah pukal dari suatu lori di SBK tetapi terhad kepada pembekalan satu forklift bermuatan empat tan dengan kelengkapan angkut biasa;
- (ii) bagi memindahkan kontena kosong itu dari suatu depoh atas dok yang terletak di dalam Zon Bebas Pelabuhan Johor ke SBK;
- (iii) bagi mengisi kargo ke dalam kontena;
- (iv) bagi memindahkan kontena biasa itu ke suatu tempat simpanan kontena;
- (v) bagi menyusun kontena di tempat simpanan kontena;
- (vi) bagi memindahkan kontena biasa itu ke suatu dermaga kontena untuk dimuatkan ke atas suatu vesel;
- (vii) bagi perkhidmatan angkut letak di atas depoh;
- (viii) bagi mengikat kargo di dalam kontena biasa itu; dan
- (ix) bagi pembekalan bahan pengikat;

(g) dalam hal pengendalian kontena biasa KMK import yang mengandungi barang berbahaya Kumpulan I dan II—

- (i) bagi memunggah kontena biasa itu dari suatu vesel, tongkang atau baj;
- (ii) bagi memindahkan kontena biasa itu dari suatu dermaga kontena dengan menggunakan treler Pelabuhan terus ke SBK bagi pengeluaran isi dengan segera;
- (iii) bagi mengeluarkan isi kontena biasa itu bagi pemuatan terus kargo pecah pukal itu ke dalam lori penerima konsain;
- (iv) bagi memunggah kargo pecah pukal itu terus ke atas suatu lori tetapi terhad kepada pembekalan satu forklift bermuatan empat tan dengan kelengkapan angkut biasa; dan
- (v) bagi mengembalikan kontena kosong itu ke suatu depoh atas dok di dalam Zon Bebas Pelabuhan Johor tidak termasuk pemeriksaan, pembersihan, pembasuhan dan pembaikan kontena kosong itu dan perkhidmatan angkut letak di depoh itu;

(h) dalam hal pengendalian kontena biasa KMK eksport yang mengandungi barang berbahaya Kumpulan I dan II—

- (i) bagi memindahkan kontena kosong itu dari suatu depoh dok yang terletak di dalam Zon Bebas Pelabuhan Johor ke SBK tetapi tidak termasuk pemeriksaan, pembersihan, pembasuhan dan pembaikan kontena kosong itu dan perkhidmatan angkut letak di depoh itu;

- (ii) bagi perkhidmatan angkut letak di SBK;
 - (iii) bagi memunggah kargo pecah pukal dari suatu lori di SBK tetapi terhad kepada pembekalan satu forklift bermuatan empat tan dengan kelengkapan angkut biasa, dan mengisi terus ke dalam kontena biasa itu, tidak termasuk perkhidmatan hitung kargo, mengikat kargo di dalam kontena dan perkhidmatan bomba dan keselamatan Pelabuhan; dan
 - (iv) bagi pemindahan terus kontena biasa itu dari SBK dengan menggunakan treler Pelabuhan ke suatu vesel apabila pengisian disediakan bagi pemuatan terus ke atas suatu vesel;
- (i) dalam hal pengendalian kontena kosong import—
- (i) bagi memunggah kontena kosong itu dari sesuatu vesel;
 - (ii) bagi memindahkan kontena kosong itu dari dermaga kontena ke suatu tempat simpanan kontena;
 - (iii) bagi memunggah kontena kosong itu di tempat simpanan kontena untuk disusun; dan
 - (iv) bagi memuatkan kontena kosong itu ke atas suatu treler syarikat pengangkutan bagi penghantaran kontena kosong itu;
- (j) dalam hal pengendalian kontena kosong eksport —
- (i) bagi memunggah kontena kosong itu dari suatu treler syarikat pengangkutan untuk disusun di suatu tempat simpanan kontena;

- (ii) bagi mengangkat kontena kosong itu ke atas treler Pelabuhan di tempat simpanan kontena untuk dipindahkan ke suatu dermaga kontena;
- (iii) bagi memindahkan kontena kosong itu dari tempat simpanan kontena ke suatu dermaga kontena; dan
- (iv) bagi memuatkan kontena kosong itu ke atas sesuatu vesel;

(k) dalam hal pengendalian kontena pindah kapal masuk—

- (i) bagi memunggah kontena pindah kapal itu dari vesel pertama; dan
- (ii) bagi memindahkan kontena pindah kapal itu dari dermaga ke tempat simpanan kontena; dan

(l) dalam hal pengendalian kontena pindah kapal keluar—

- (i) bagi mengangkat kontena pindah kapal itu dari tempat simpanan kontena dan ke dermaga; dan
- (ii) bagi memuatkan kontena pindah kapal itu ke atas vesel kedua.

(3) Caj yang dinyatakan dalam Bahagian 24 Jadual Pertama tidak termasuk caj pemindahan antara terminal.

Caj pengendalian tambahan bagi mengalihkan kontena dan kargo tidak berkontena

20. (1) Walau apa pun undang-undang kecil 19, seseorang pengguna pelabuhan hendaklah membayar caj pengendalian tambahan kepada Lembaga—

- (a) bagi mengalihkan kontena biasa yang mengandungi barang tidak berbahaya atau barang berbahaya, kontena kosong atau kotak gear dengan menggunakan kren Pelabuhan atau kren vesel dalam ruang yang sama pada kadar yang dinyatakan dalam Bahagian 25 Jadual Pertama;
 - (b) bagi mengalihkan kontena biasa yang mengandungi barang tidak berbahaya atau barang berbahaya, kontena kosong atau kotak gear dengan menggunakan kren Pelabuhan atau kren vesel dari ruang ke ruang atau petak ke petak termasuk memunggah, mendarat di atas dermaga dan memuatkan semula kontena ke atas vesel yang sama pada kadar yang dinyatakan dalam Bahagian 26 Jadual Pertama;
 - (c) bagi mengalihkan kontena DLU atau kontena rosak ke atas vesel dengan menggunakan kren vesel di dalam ruang yang sama pada kadar yang dinyatakan dalam Bahagian 27 Jadual Pertama;
 - (d) bagi mengalihkan kontena DLU atau kontena rosak ke atas vesel dengan menggunakan kren vesel dari ruang ke ruang atau petak ke petak termasuk memunggah, mendarat di atas dermaga dan mengalihkan sementara kontena ke vesel yang sama pada kadar yang dinyatakan dalam Bahagian 28 Jadual Pertama;
 - (e) bagi membuka atau menutup penutup hac dengan menggunakan kren Pelabuhan atau kren vesel pada kadar yang dinyatakan dalam Bahagian 29 Jadual Pertama; dan
 - (f) bagi mengangkat kargo tidak berkontena pada kadar yang dinyatakan dalam Bahagian 30 Jadual Pertama.
- (2) Caj di bawah subperenggan (1)(f) tidak termasuk tenaga kerja dan peralatan.

Caj pembatalan bagi membatalkan tempahan tempat himpitan yang diperuntukkan di terminal kontena

21. Seseorang pengguna pelabuhan hendaklah membayar caj pembatalan kepada Lembaga bagi pembatalan tempat himpitan yang diperuntukkan di terminal kontena pada kadar yang dinyatakan dalam Bahagian 31 Jadual Pertama.

BAHAGIAN III

CAJ AKAUN PEKAPAL ATAU PENERIMA KONSAIN

Jenis caj

22. Lembaga boleh mengenakan jenis caj yang berikut ke atas pengguna pelabuhan dan caj itu hendaklah dikreditkan ke dalam akaun pekapal atau penerima konsain:

- (a) caj am;
- (b) caj perkhidmatan dermaga;
- (c) caj perkhidmatan pemindahan;
- (d) caj peyimpanan bagi kargo pukal dan pecah pukal;
- (e) caj perkhidmatan dermaga di dermaga yang dikendalikan secara persendirian; dan
- (f) caj pengendalian bagi kargo pukal.

Caj am

23. Seseorang pengguna Pelabuhan hendaklah membayar caj am kepada Lembaga bagi apa-apa kargo yang dikapalkan atau dipunggah di dermaga Lembaga pada kadar yang dinyatakan dalam Bahagian 1 Jadual Kedua.

Caj perkhidmatan dermaga

24. (1) Seseorang pengguna pelabuhan hendaklah membayar caj perkhidmatan dermaga kepada Lembaga bagi—

- (a) penerimaan atau penghantaran apa-apa kargo secara terus di dermaga;
- (b) pemindahan apa-apa kargo dari dermaga ke gudang atau tempat simpanan terbuka untuk penyimpanan dan penghantaran kepada penerima konsain; atau
- (c) penerimaan apa-apa kargo daripada pekapal ke dalam gudang atau tempat simpanan terbuka untuk penyimpanan dan pemindahkan kargo itu ke dermaga untuk dimuatkan ke atas vesel,

pada kadar yang dinyatakan dalam Bahagian 2 Jadual Kedua.

(2) Jika vesel kedua diletakkan di sisi vesel pertama yang dihipitkan di sisi dermaga Lembaga, pengguna pelabuhan hendaklah membayar kepada Lembaga berhubung dengan vesel kedua itu lima puluh peratus daripada caj perkhidmatan dermaga di bawah perenggan (1).

Caj perkhidmatan pemindahan

25. (1) Seseorang pengguna pelabuhan hendaklah membayar caj perkhidmatan pemindahan kepada Lembaga bagi memindahkan apa-apa kargo dari satu gudang ke gudang yang lain atau dari satu gudang ke tempat simpanan atau sebaliknya, dalam premis pelabuhan pada kadar yang dinyatakan dalam Bahagian 3 Jadual Kedua.

(2) Pemindahan apa-apa kargo hendaklah di atas budi bicara Lembaga atau Pengurus Terminal dan boleh dilakukan—

- (a) dalam hal memindahkan apa-apa kargo ke suatu gudang, apabila permohonan untuk memindahkan kargo itu ke gudang diterima oleh Lembaga atau Pengurus Terminal; dan

- (b) dalam hal apa-apa kargo yang tidak dipindahkan dari gudang, pada bila-bila masa yang difikirkan perlu oleh Lembaga atau Pengurus Terminal.

Caj penyimpanan bagi kargo pukal dan pecah pukal

26. (1) Seseorang pengguna pelabuhan hendaklah membayar caj penyimpanan kepada Lembaga bagi menyimpan—

- (a) kargo pukal dan pecah pukal pindah kapal atau eksport semula di Pelabuhan pada kadar yang dinyatakan dalam Bahagian 4 Jadual Kedua;
- (b) kargo pukal dan pecah pukal import di dalam gudang atau di tempat simpanan terbuka di Pelabuhan pada kadar yang dinyatakan dalam Bahagian 5 Jadual Kedua;
- (c) barang berbahaya Kumpulan III import di dalam gudang di Pelabuhan pada kadar yang dinyatakan dalam Bahagian 6 Jadual Kedua;
- (d) kargo pukal dan pecah pukal eksport di dalam gudang atau tempat simpanan terbuka di Pelabuhan pada kadar yang dinyatakan dalam Bahagian 7 Jadual Kedua;
- (e) barang berbahaya Kumpulan III eksport di dalam gudang di Pelabuhan pada kadar yang dinyatakan dalam Bahagian 8 Jadual Kedua;
- (f) kargo pukal dan pecah pukal eksport yang ditinggalkan kapal di dalam gudang atau tempat simpanan terbuka di Pelabuhan pada kadar yang dinyatakan dalam Bahagian 9 Jadual Kedua;

- (g) kenderaan import atau eksport di dalam gudang atau tempat simpanan terbuka di Pelabuhan pada kadar yang dinyatakan dalam Bahagian 10 Jadual Kedua;
- (h) kargo rosak di dalam gudang atau di tempat simpanan terbuka di Pelabuhan bermula dari masa penerimaan kargo itu pada kadar yang dinyatakan dalam Bahagian 11 Jadual Kedua; dan
- (i) apa-apa kargo yang ditinggalkan di premis pelabuhan tanpa kebenaran Lembaga pada kadar yang dinyatakan dalam Bahagian 12 Jadual Kedua.

(2) Kargo pukal dan pecah pukal pindah kapal atau eksport semula yang disebut dalam subperenggan (1)(a) adalah berhak kepada suatu tempoh penyimpanan percuma selama dua puluh satu hari bermula dari penyiapan pemunggahan kargo dari vesel pertama, dan caj penyimpanan itu hendaklah dikira selepas habis tempoh penyimpanan percuma itu sehingga masa sebenar penghimpitan vesel kedua yang di atasnya itu kargo akan dimuatkan.

(3) Kargo pukal dan pecah pukal import yang disebut dalam subperenggan (1)(b) adalah berhak kepada suatu tempoh penyimpanan percuma selama tiga hari bermula dari berakhirnya syif yang dalam tempohnya vesel itu selesai memunggah, dan caj penyimpanan hendaklah dikira selepas habis tempoh penyimpanan percuma itu sehingga kargo itu diambil oleh penerima konsain.

(4) Kargo pukal dan pecah pukal eksport yang disebut dalam subperenggan (1)(c) adalah berhak kepada suatu tempoh penyimpanan percuma selama enam hari bermula dari berakhirnya syif yang dalam tempohnya kargo itu diterima ke dalam gudang atau tempat simpanan terbuka, dan caj penyimpanan hendaklah dikira selepas habis tempoh penyimpanan percuma itu sehingga masa sebenar penghimpitan vesel itu yang di atasnya kargo itu akan dimuatkan.

(5) Kargo pukal dan pecah pukal eksport yang ditinggalkan kapal yang disebut dalam subperenggan (1)(f) adalah berhak kepada suatu tempoh penyimpanan percuma selama enam hari bermula dari berakhirnya syif yang dalam tempohnya kargo itu diterima ke dalam gudang atau tempat simpanan terbuka, dan caj penyimpanan hendaklah dikira selepas habis tempoh penyimpanan percuma itu sehingga masa sebenar penghimpitan vesel berikutnya yang di atasnya kargo itu akan dimuatkan.

(6) Kenderaan import yang disebut dalam subperenggan (1)(g) adalah berhak kepada suatu tempoh penyimpanan percuma selama tiga hari bermula dari berakhirnya syif yang dalam tempohnya vesel itu selesai dipunggah, dan caj penyimpanan hendaklah dikira selepas habis tempoh penyimpanan percuma itu sehingga kenderaan itu diambil oleh penerima konsain.

(7) Kenderaan eksport yang disebut dalam subperenggan (1)(g) adalah berhak kepada suatu tempoh penyimpanan percuma selama enam hari bermula dari berakhirnya syif yang dalam tempohnya kenderaan itu diterima ke dalam gudang atau tempat simpanan terbuka, dan caj penyimpanan hendaklah dikira selepas habis tempoh penyimpanan percuma itu sehingga masa sebenar penghimpitan vesel itu yang di atasnya kenderaan itu akan dimuatkan.

(8) Tempoh penyimpanan percuma di bawah undang-undang kecil ini hendaklah termasuk hari Ahad dan semua hari kelepasan am yang diwartakan.

(9) Lembaga boleh memindahkan mana-mana kargo di bawah subperenggan (1)(i) pada bila-bila masa dan pemilik kargo itu hendaklah menanggung kos pemindahan itu.

Caj perkhidmatan dermaga di dermaga yang dikendalikan secara persendirian

27. Seseorang pengguna pelabuhan hendaklah membayar caj perkhidmatan dermaga kepada Lembaga bagi apa-apa kargo yang dimuatkan atau dipunggah ke dalam atau dari sesuatu vesel di mana-mana dermaga yang dikendalikan secara persendirian yang

diluluskan di dalam Pelabuhan pada kadar yang dinyatakan dalam Bahagian 13 Jadual Kedua.

Caj pengendalian bagi kargo pukal

28. Seseorang pengguna pelabuhan hendaklah membayar caj pengendalian kepada Lembaga bagi menggunakan kelengkapan pengendalian kargo pukal dalam mengendalikan—

- (a) kargo pukal kering pada kadar yang dinyatakan dalam Bahagian 14 Jadual Kedua; dan
- (b) kargo pukal cecair pada kadar yang dinyatakan dalam Bahagian 15 Jadual Kedua.

BAHAGIAN IV

CAJ AKAUN VESEL, PEKAPAL ATAU PENERIMA KONSAIN

Jenis caj

29. Lembaga boleh mengenakan jenis caj yang berikut ke atas pengguna pelabuhan dan caj itu hendaklah dikreditkan ke dalam akaun vesel, pekapal atau penerima konsain:

- (a) caj jambatan timbang dan penimbang;
- (b) caj bagi penggunaan ruang gudang atau tempat simpanan terbuka;
- (c) caj penyimpanan bagi kontena;
- (d) caj perkhidmatan kontena sejuk;
- (e) caj pengendalian bagi kontena DLU, kontena rosak atau kontena bukan berstandard ISO;

- (f) caj pengalihan bagi kontena DLU, kontena rosak atau kontena bukan berstandard ISO;
- (g) caj pengalihan bagi mengalihkan kontena ke Ruangan Pemeriksaan Kastam;
- (h) caj penyimpanan bagi kontena di Ruangan Pemeriksaan Kastam;
- (i) caj penyimpanan bagi kontena di SBK;
- (j) caj bagi kargo yang diterima di SBK;
- (k) caj pengendalian SBK;
- (l) caj SBK bagi penghantaran lewat kargo, penerimaan lewat arahan pengisian dan pelepasan lewat daripada Pihak Berkuasa Zon Bebas dan Kastam;
- (m) caj penyimpanan bagi kargo di SBK;
- (n) caj masa penutupan;
- (o) caj kontena yang ditinggalkan kapal atau penukaran vesel;
- (p) caj pemuatan kontena tambahan; dan
- (q) caj kontena pelbagai.

Caj jambatan timbang dan penimbang

30. (1) Seseorang pengguna pelabuhan hendaklah membayar caj jambatan timbang kepada Lembaga bagi penggunaan jambatan timbang pada kadar yang dinyatakan dalam Bahagian 1 Jadual Ketiga.

(2) Seseorang pengguna pelabuhan hendaklah membayar caj penimbang kepada Lembaga bagi penggunaan penimbang mudah alih di terminal pukal dan pecah pukal dan SBK pada kadar yang dinyatakan dalam Bahagian 2 Jadual Ketiga.

Caj bagi penggunaan ruang gudang atau tempat simpanan terbuka

31. Seseorang pengguna pelabuhan hendaklah membayar kepada Lembaga suatu caj bagi penggunaan ruang gudang atau tempat simpanan terbuka untuk membuka bungkusan bagi pemeriksaan, pemasangan, pembungkusan semula, penggredan semula atau penandaan semula apa-apa kargo, pengisihan dan penyimpanan pelbagai kargo berdasarkan meter persegi bagi setiap pengalihan atau sebahagian daripadanya pada kadar yang dinyatakan dalam Bahagian 3 Jadual Ketiga.

Caj penyimpanan bagi kontena

32. (1) Seseorang pengguna pelabuhan hendaklah membayar caj penyimpanan kepada Lembaga bagi menyimpan—

- (a) kontena biasa import, eksport atau pindah kapal yang mengandungi barang tidak berbahaya atau barang berbahaya Kumpulan III atau kontena kosong pada kadar yang dinyatakan dalam butiran 1 Bahagian 4 Jadual Ketiga;
- (b) kontena DLU dan kontena rosak pada kadar yang dinyatakan dalam butiran 2 Bahagian 4 Jadual Ketiga; dan
- (c) casis treler pada kadar yang dinyatakan dalam butiran 3 Bahagian 4 Jadual Ketiga.

(2) Kontena import adalah berhak kepada suatu tempoh penyimpanan percuma selama satu ratus dua puluh jam bermula dari masa pemunggahan kontena itu daripada vesel disiapkan, dan caj penyimpanan hendaklah dikira selepas habis tempoh

penyimpanan percuma itu sehingga masa kontena itu keluar di pintu keluar terminal kontena.

(3) Kontena eksport adalah berhak kepada suatu tempoh simpanan percuma selama satu ratus dua puluh jam bermula dari masa penerimaan kontena itu di pintu masuk terminal kontena, dan caj penyimpanan hendaklah dikira selepas habis tempoh penyimpanan percuma itu sehingga masa sebenar penghimpitan vesel itu yang di atasnya kontena itu akan dimuatkan.

(4) Kontena pindah kapal adalah berhak kepada suatu tempoh penyimpanan percuma selama lima ratus empat jam bermula dari masa pemunggahan kontena itu dari vesel pertama, dan caj penyimpanan hendaklah dikira selepas habis tempoh penyimpanan percuma itu sehingga masa sebenar penghimpitan vesel kedua t yang di atasnya kontena itu akan dimuatkan.

(5) Kontena DLU import adalah berhak kepada suatu tempoh penyimpanan percuma selama satu ratus dua puluh jam bermula dari masa pemunggahan kontena itu dari vesel disiapkan, dan caj penyimpanan hendaklah dikira selepas habis tempoh penyimpanan percuma itu sehingga masa kontena itu keluar di pintu keluar terminal kontena.

(6) Kontena DLU eksport adalah berhak kepada suatu tempoh penyimpanan percuma selama satu ratus dua puluh jam bermula dari masa penerimaan kontena itu di pintu masuk terminal kontena, dan caj penyimpanan hendaklah dikira selepas habis tempoh penyimpanan percuma itu sehingga masa sebenar penghimpitan vesel itu yang di atasnya kontena itu akan dimuatkan.

(7) Kontena DLU pindah kapal adalah berhak kepada suatu tempoh penyimpanan percuma selama lima ratus empat jam bermula dari masa pemunggahan kontena itu dari vesel pertama, dan caj penyimpanan hendaklah dikira selepas habis

tempoh penyimpanan percuma itu sehingga masa sebenar penghimpitan vesel kedua yang di atasnya kontena itu akan dimuatkan.

(8) Kontena rosak import tidak berhak kepada apa-apa tempoh penyimpanan percuma, dan caj penyimpanan hendaklah dikira bermula dari masa kontena itu dipunggah dari vesel sehingga masa kontena itu keluar di pintu keluar terminal kontena.

(9) Kontena rosak eksport tidak berhak kepada apa-apa tempoh penyimpanan percuma, dan caj penyimpanan hendaklah dikira bermula dari masa penerimaan kontena itu di pintu masuk terminal kontena sehingga masa sebenar penghimpitan vesel itu yang di atasnya kontena itu akan dimuatkan.

(10) Caj penyimpanan bagi casis treler, dengan atau tanpa kontena, di bawah butiran 3 Bahagian 4 Jadual Ketiga yang disimpan di dalam suatu tempat simpanan kontena atau mana-mana kawasan lain di dalam premis pelabuhan hendaklah dicajkan kepada pemilik treler itu.

(11) Barang berbahaya Kumpulan I atau II boleh disimpan di Pelabuhan apabila mendapat kebenaran daripada Lembaga dan jika dibenarkan, caj penyimpanan adalah tidak termasuk caj perkhidmatan bomba.

(12) Apabila melebihi tempoh penyimpanan percuma, mana-mana kontena yang disimpan di terminal kontena hendaklah secara automatik dikenakan caj CPT pada kadar yang dinyatakan dalam butiran 1 Bahagian 21 Jadual Ketiga.

(13) Bagi maksud mengira tempoh penyimpanan percuma, pengiraan hari hendaklah termasuk hari Ahad dan semua cuti umum yang diwartakan.

Caj perkhidmatan kontena sejuk

33. Seseorang pengguna pelabuhan hendaklah membayar caj perkhidmatan kontena sejuk kepada Lembaga bagi setiap kontena pada kadar yang dinyatakan dalam Bahagian 5 Jadual Ketiga.

Caj pengendalian bagi kontena DLU, kontena rosak atau kontena bukan berstandard ISO

34. (1) Seseorang pengguna pelabuhan hendaklah membayar caj pengendalian bagi kontena DLU, kontena rosak atau kontena bukan berstandard ISO import, eksport dan pindah kapal dengan menggunakan kren Pelabuhan kepada Lembaga pada kadar yang dinyatakan dalam Bahagian 6 Jadual Ketiga.

(2) Caj pengendalian bagi kontena DLU, kontena rosak atau kontena bukan berstandard ISO import hendaklah termasuk bagi mengangkat kontena itu daripada atas vesel dengan menggunakan kren Pelabuhan yang diletakkan terus ke atas treler pekapal atau penerima konsain di dermaga.

(3) Caj pengendalian bagi kontena DLU, kontena rosak atau kontena bukan berstandard ISO eksport hendaklah termasuk bagi mengangkat kontena itu dari treler pekapal atau penerima konsain di dermaga ke atas vesel dengan menggunakan kren Pelabuhan.

(4) Caj pengendalian bagi kontena DLU, kontena rosak atau kontena bukan berstandard ISO pindah kapal hendaklah termasuk—

- (a) pemunggahan kontena dari vesel pertama dengan menggunakan kren Pelabuhan dan penyusunan di tempat simpanan kontena; dan
- (b) pemunggahan kontena dari tempat simpanan kontena dan memuatkan ke atas vesel kedua dengan menggunakan kren Pelabuhan.

(5) Pengendalian bagi kontena DLU, kontena rosak atau kontena bukan berstandard ISO import, eksport atau pindah kapal—

(a) di atas vesel hendaklah dicajkan ke atas akaun vesel; dan

(b) di tempat simpanan kontena bagi import atau eksport hendaklah dicajkan ke atas akaun pekapal atau penerima konsain.

Caj pengalihan bagi kontena DLU, kontena rosak atau kontena bukan berstandard ISO

35. Seseorang pengguna pelabuhan hendaklah membayar caj pengalihan bagi kontena DLU, kontena rosak atau kontena bukan berstandard ISO di atas vesel dengan menggunakan kren Pelabuhan kepada Lembaga—

(a) bagi pengalihan kontena dalam ruang yang sama atas vesel tanpa didaratkan di atas dermaga pada kadar yang dinyatakan dalam Bahagian 7 Jadual Ketiga; dan

(b) bagi pengalihan kontena dari ruang ke ruang atau dari petak ke petak termasuklah pemunggaran, pendaratan di atas dermaga dan mengalihkan sementara kontena itu ke vesel yang sama pada kadar yang dinyatakan dalam Bahagian 8 Jadual Ketiga.

Caj pengalihan bagi mengalihkan kontena ke Ruangan Pemeriksaan Kastam

36. Seseorang pengguna pelabuhan hendaklah membayar caj pengalihan kepada Lembaga bagi mengalihkan kontena ke Ruangan Pemeriksaan Kastam pada kadar yang dinyatakan dalam Bahagian 9 Jadual Ketiga.

Caj penyimpanan bagi kontena di Ruangan Pemeriksaan Kastam

37. (1) Seseorang pengguna pelabuhan hendaklah membayar caj penyimpanan bagi kontena yang disimpan di Ruangan Pemeriksaan Kastam kepada Lembaga pada kadar yang dinyatakan dalam Bahagian 10 Jadual Ketiga.

(2) Kontena yang disimpan di Ruangan Pemeriksaan Kastam adalah berhak kepada suatu tempoh penyimpanan percuma selama empat puluh lapan jam bermula dari masa kontena itu disimpan di Ruangan Pemeriksaan Kastam.

Caj penyimpanan kontena di SBK

38. (1) Seseorang pengguna pelabuhan hendaklah membayar caj penyimpanan bagi kontena yang disimpan di SBK kepada Lembaga pada kadar yang dinyatakan dalam Bahagian 11 Jadual Ketiga.

(2) Kontena yang disimpan di SBK adalah berhak kepada suatu tempoh penyimpanan percuma selama empat puluh lapan jam bermula dari masa kontena itu tiba di SBK.

Caj bagi kargo yang diterima di SBK

39. (1) Apa-apa kargo yang diterima oleh Lembaga di SBK dari jam 0700 hingga jam 1800 tidak dikenakan caj dan tiada tempahan bagi SKF dikehendaki.

(2) Apa-apa kargo yang diterima oleh Lembaga di SBK dari jam 1801 hingga jam 2300 menghendaki suatu tempahan dan apabila SBK ditempah, kargo yang diterima sedemikian tidak dikenakan caj.

(3) Jika seseorang pengguna pelabuhan tidak menempah SBK di bawah perenggan (2), pengguna pelabuhan itu hendaklah dikenakan caj pada kadar yang dinyatakan dalam butiran 3 Bahagian 12 Jadual Ketiga.

(4) Apa-apa kargo yang diterima, dengan atau tanpa tempahan, oleh Lembaga di SBK dari jam 2301 hingga jam 0659 hendaklah dikenakan caj pada kadar yang dinyatakan dalam butiran 4 Bahagian 12 Jadual Ketiga.

Caj pengendalian SBK

40. Seseorang pengguna pelabuhan hendaklah membayar caj pengendalian kepada Lembaga bagi—

- (a) mengendalikan apa-apa kargo import atau eksport di SBK pada kadar yang dinyatakan dalam Bahagian 13 Jadual Ketiga; dan
- (b) mengendalikan apa-apa kargo yang tidak dieksport di SBK pada kadar yang dinyatakan dalam Bahagian 14 Jadual Ketiga.

Caj SBK bagi penghantaran lewat kargo, penerimaan lewat arahan pengisian dan pelepasan lewat daripada Pihak Berkuasa Zon Bebas dan Kastam

41. (1) Apa-apa kargo pecah pukal untuk diisi ke dalam kontena di SBK hendaklah dihantar ke SBK tidak kurang daripada tiga puluh enam jam sebelum masa sebenar penghimpitan vesel yang dilantik, dan apa-apa kargo pecah pukal untuk diisi ke dalam kontena yang diterima kurang dari tiga puluh enam jam hendaklah dikenakan caj pada kadar yang dinyatakan dalam butiran 1 Bahagian 15 Jadual Ketiga.

(2) Apa-apa arahan pengisian bagi mengisi kargo ke dalam kontena di SBK hendaklah dibuat kepada Lembaga tidak kurang daripada dua belas jam sebelum masa sebenar penghimpitan vesel yang dilantik, dan apa-apa arahan yang diterima kurang dari dua belas jam hendaklah dikenakan caj pada kadar yang dinyatakan dalam butiran 2 Bahagian 15 Jadual Ketiga.

(3) Apa-apa pelepasan daripada Pihak Berkuasa Zon Bebas dan Kastam hendaklah diterima oleh Lembaga tidak kurang daripada dua belas jam sebelum masa

sebenar penghimpitan vesel yang dilantik, dan apa-apa pelepasan lewat hendaklah dikenakan caj pada kadar yang dinyatakan dalam butiran 3 Bahagian 15 Jadual Ketiga.

Caj penyimpanan bagi kargo di SBK

42. (1) Seseorang pengguna pelabuhan hendaklah membayar caj penyimpanan kepada Lembaga bagi menyimpan apa-apa kargo di SBK seperti yang berikut:

- (a) dalam hal barang tidak berbahaya KMP dan KMK eksport, pada kadar yang dinyatakan dalam subbutiran 1(a) Bahagian 16 Jadual Ketiga;
- (b) dalam hal barang tidak berbahaya KMP dan KMK import, pada kadar yang dinyatakan dalam subbutiran 1(b) Bahagian 16 Jadual Ketiga;
- (c) dalam hal barang berbahaya Kumpulan III import, pada kadar yang dinyatakan dalam subbutiran 2(a) Bahagian 16 Jadual Ketiga;
- (d) dalam hal barang berbahaya Kumpulan III eksport, pada kadar yang dinyatakan dalam subbutiran 2(b) Bahagian 16 Jadual Ketiga;
- (e) dalam hal kargo yang ditinggalkan kapal, pada kadar yang dinyatakan dalam butiran 3 Bahagian 16 Jadual Ketiga; dan
- (f) dalam hal kenderaan, pada kadar yang dinyatakan dalam butiran 4 Bahagian 16 Jadual Ketiga.

(2) Kargo KMP dan KMK eksport adalah berhak kepada suatu tempoh penyimpanan percuma selama enam hari yang dikira dari masa kargo itu diterima ke dalam SBK.

(3) Kargo KMP dan KMK import adalah berhak kepada suatu tempoh penyimpanan percuma selama tiga hari yang dikira dari masa kargo itu dikeluarkan dari kontena di SBK.

(4) Kenderaan bagi eksport yang disimpan di SBK adalah berhak kepada suatu tempoh penyimpanan percuma selama enam hari yang dikira dari masa kenderaan itu diterima ke dalam SBK.

(5) Kenderaan bagi import yang disimpan di SBK adalah berhak kepada suatu tempoh penyimpanan percuma selama tiga hari yang dikira dari masa kenderaan itu diterima ke dalam SBK.

(6) Apa-apa kargo pecah pukal yang disimpan di SBK yang melebihi tempoh penyimpanan percuma dan dipindahkan ke lokasi lain hendaklah dikenakan caj perkhidmatan pemindahan pada kadar yang dinyatakan dalam Bahagian 17 Jadual Ketiga.

Caj masa penutupan

43. Seseorang pengguna pelabuhan hendaklah membayar caj masa penutupan kepada Lembaga bagi penerimaan kontena eksport di terminal kontena kurang daripada lapan jam dari jangkaan masa ketibaan vesel pada kadar yang dinyatakan dalam Bahagian 18 Jadual Ketiga.

Caj kontena yang ditinggalkan kapal dan penukaran vesel

44. (1) Seseorang pengguna pelabuhan hendaklah membayar kepada Lembaga caj kontena yang ditinggalkan kapal dan penukaran vesel bagi kontena yang diterima tetapi tidak dikapalkan atas pelayaran asal vesel yang dilantik tetapi sebaliknya dikapalkan melalui pelayaran vesel yang lain pada kadar yang dinyatakan dalam butiran 1 Bahagian 19 Jadual Ketiga.

(2) Jika kontena yang ditinggalkan kapal diambil semula oleh pekapal, pengguna pelabuhan itu hendaklah membayar caj kepada Lembaga pada kadar yang dinyatakan dalam butiran 2 Bahagian 19 Jadual Ketiga.

(3) Apa-apa kontena yang disebut dalam perenggan (1) adalah berhak kepada suatu tempoh penyimpanan percuma selama satu ratus dua puluh jam bermula dari masa penerimaan kontena itu di pintu masuk terminal kontena, dan caj penyimpanan hendaklah dikira selepas habis tempoh penyimpanan percuma itu sehingga masa sebenar penghimpitan vesel itu yang di atasnya kontena itu akan dimuatkan berdasarkan kadar yang dinyatakan dalam Bahagian 4 Jadual Ketiga.

(4) Apa-apa kontena yang ditinggalkan kapal yang disebut dalam perenggan (2) hendaklah dikenakan caj penyimpanan pada kadar yang dinyatakan dalam Bahagian 4 Jadual Ketiga dan tidak berhak kepada apa-apa tempoh penyimpanan percuma.

Caj pemuatan kontena tambahan

45. (1) Seseorang pengguna pelabuhan yang membuat suatu permintaan bagi memuatkan kontena tambahan selepas mengemukakan pelan pemuatan muktamad hendaklah membayar kepada Lembaga caj pemuatan kontena tambahan pada kadar yang dinyatakan dalam butiran 1 Bahagian 20 Jadual Ketiga.

(2) Seseorang pengguna pelabuhan yang membuat suatu permintaan bagi memuatkan kontena tambahan apabila vesel yang dilantik telah pun berada di himpitan hendaklah membayar kepada Lembaga caj pemuatan kontena tambahan pada kadar yang dinyatakan dalam butiran 2 Bahagian 20 Jadual Ketiga.

Caj kontena pelbagai

46. Seseorang pengguna pelabuhan hendaklah membayar kepada Lembaga—

(a) CPT bagi apa-apa pergerakan tambahan dalam pengendalian kontena pada kadar yang dinyatakan dalam butiran 1 Bahagian 21 Jadual Ketiga;

- (b) caj bagi penukaran pemilikan kontena pada kadar yang dinyatakan dalam butiran 2 Bahagian 21 Jadual Ketiga;
- (c) caj bagi penukaran status bagi import, eksport, pindah kapal atau pelabuhan pemungghahan, KMP atau KMK pada kadar yang dinyatakan dalam butiran 3 Bahagian 21 Jadual Ketiga; dan
- (d) caj bagi angkut letak selain yang telah diperuntukkan di bawah Undang-Undang Kecil ini pada kadar yang dinyatakan dalam butiran 4 Bahagian 21 Jadual Ketiga.

BAHAGIAN V

PELBAGAI

Kadar pindah kapal

47. (1) Apa-apa kargo layak mendapat kadar pindah kapal jika syarat yang berikut dipatuhi:

- (a) kargo itu hendaklah diisytiharkan bagi pindah kapal oleh syarikat perkapalan atau ejennya di Pelabuhan tidak kurang daripada lapan jam sebelum ketibaan vesel, dan bagi kargo yang tidak berkontena, dua puluh empat jam sebelum ketibaan vesel;
- (b) kargo itu hendaklah dipunggah oleh vesel yang mengimportnya ke atas dermaga dan berada dalam jagaan Lembaga dan disimpan di lokasi yang sama di mana kargo itu dipunggah dari vesel pertama sehingga kargo itu dimuatkan semula ke dalam vesel kedua;
- (c) kargo itu hendaklah dipindahkan kapal oleh vesel yang lain di dermaga Lembaga; dan

(d) maklumat yang memperincikan vesel kedua, nombor pelayaran dan pelabuhan pemunggahan berikutnya atau yang terakhir yang dipilih hendaklah dikemukakan kepada Lembaga tidak kurang daripada lapan jam sebelum ketibaan vesel pertama.

(2) Apa-apa kontena layak mendapat kadar pindah kapal jika—

(a) kontena itu dipunggah dari vesel pertama yang menghimpit di terminal kontena dan disimpan di tempat simpanan kontena sebagai kontena pindah kapal masuk tanpa apa-apa proses pengisian atau pengeluaran isi dibuat kepada kontena; dan

(b) kontena itu seterusnya dimuatkan semula ke atas vesel kedua yang menghimpit di terminal kontena bagi pindah kapal keluar.

(3) Kontena yang dialih sementara, yang tidak diniatkan untuk dipunggah di Pelabuhan, layak mendapat kadar pindah kapal jika—

(a) bilangan kontena yang dialih sementara itu melebihi jumlah lima kontena bagi setiap vesel atau pelayaran;

(b) kontena dialih sementara itu yang dipunggah dari vesel pertama disimpan di tempat simpanan kontena sebagai pergerakan masuk; dan

(c) kontena dialih sementara itu seterusnya dimuatkan semula ke atas vesel pertama yang sama bagi pergerakan keluar.

Kargo dieksport semula

48. (1) Kadar kargo dieksport semula hendaklah terpakai bagi kargo yang berhubung dengannya syarat yang berikut dipenuhi:

(a) kargo itu dipunggah oleh vesel yang mengimportnya ke atas dermaga Lembaga; dan

(b) selepas pemunggaran di bawah subperenggan (1)(a), kargo itu berada di premis pelabuhan sehingga kargo itu dieksport ke atas vesel oleh vesel yang lain di dermaga Lembaga.

(2) Apa-apa kargo dieksport semula hendaklah dikenakan caj—

(a) jika kargo itu dipunggah dari vesel pertama, mengikut kadar yang dinyatakan dalam Bahagian 23 Jadual Pertama; dan

(b) jika kargo itu dimuatkan ke dalam vesel kedua, pada kadar yang dinyatakan dalam Bahagian 23 Jadual Pertama.

Kargo yang dipaletkan atau diunitkan

49. Apa-apa kargo yang mematuhi syarat yang berikut layak mendapat kadar kargo yang dipaletkan atau diunitkan:

(a) berat atau isipadu bagi setiap kargo yang dipaletkan atau diunitkan hendaklah tidak melebihi dua setengah tan atau tidak melebihi ukuran empat meter padu bagi setiap unit yang dipaletkan atau diunitkan;

(b) kargo hendaklah dimanisfaskan dan manifes itu hendaklah diendorskan di pelabuhan kargo dimuatkan sebagai telah dipaletkan atau diunitkan dan bil muatan, arahan penyerahan atau arahan penghantaran diendorskan secara yang serupa; dan

- (c) kargo yang dipaletkan atau diunitkan hendaklah dipunggah atau dimuatkan sebagai satu unit dengan bantuan trak forklift di atas vesel dan di dermaga.

Tanan yang boleh dikenakan caj

50. (1) Lembaga hendaklah menentukan tanan kargo mengikut ukuran padu atau berat kasar, yang mana lebih tinggi.

(2) Dalam hal jika berat kasar kargo tidak boleh ditentukan, Lembaga boleh mengenakan caj berdasarkan tanan yang ditentukan melalui ukuran padu kargo, dan sebaliknya.

(3) Dalam hal sesuatu vesel yang mempunyai dua tanan atau vesel yang mempunyai suatu dek terbuka atau dek pelindung tertutup, tanan yang lebih tinggi hendaklah disifatkan sebagai TK vesel itu.

Pembayaran caj

51. (1) Seseorang pengguna pelabuhan yang bukan pemegang akaun lejar atau akaun kredit yang lain hendaklah membayar semua caj secara tunai.

(2) Walau apa pun perenggan (1), pembayaran melalui cek boleh dibuat dengan mendapatkan kelulusan terlebih dahulu daripada Lembaga.

(3) Jika kemudahan kredit disediakan oleh Lembaga kepada pengguna pelabuhan, jumlah tertunggak yang berkenaan dengannya kemudahan kredit itu diberikan hendaklah dijelaskan dalam tempoh tiga puluh hari dari tarikh invois.

(4) Jumlah tertunggak yang tidak dijelaskan dalam tempoh yang dinyatakan dalam perenggan (3) hendaklah tertakluk kepada surcaj sebanyak dua peratus jika jumlah tertunggak itu tidak dijelaskan dalam tempoh tiga puluh hari lagi atau sebahagiannya selepas tempoh yang dinyatakan dalam perenggan (3).

(5) Jumlah tertunggak dalam perenggan (4) yang tidak dijelaskan selepas tempoh enam puluh hari dari tarikh invois hendaklah tertakluk kepada surcaj tambahan sebanyak dua peratus bagi setiap bulan sehingga dijelaskan.

(6) Jumlah tertunggak yang disebut dalam perenggan (5) tidak termasuk jumlah yang disurcaj.

Caj terkurang

52. Lembaga berhak memungut apa-apa amaun yang ditentukan sebagai terkurang caj atau yang selainnya didapati kena dibayar, dan hendaklah menuntut secara bertulis pembayaran apa-apa amaun itu dalam tempoh enam tahun dari tarikh transaksi disiapkan.

Caj berlebihan

53. (1) Mana-mana pengguna pelabuhan yang telah dikenakan caj berlebihan oleh Lembaga boleh menuntut bayaran balik caj berlebihan itu jika—

- (a) orang itu menuntut caj berlebihan itu secara bertulis kepada Lembaga dalam tempoh enam tahun dari tarikh bil dikeluarkan; dan
- (b) dalam hal apa-apa kargo, orang itu telah mempertikaikan ukuran atau berat kargo itu pada masa kargo itu diukur atau ditimbang.

(2) Seseorang pengguna pelabuhan yang menuntut bayaran balik apa-apa caj berlebihan hendaklah memberikan maklumat penuh yang disokong oleh apa-apa keterangan dokumentar yang lain sebagaimana yang dikehendaki oleh Lembaga.

Syarat-syarat untuk menyewa kelengkapan mekanikal, peralatan dan perkakasan

54. (1) Lembaga setelah mengambil segala langkah berjaga-jaga yang munasabah bagi memastikan kelengkapan mekanikal, peralatan dan perkakasan yang dikeluarkannya berada dalam keadaan baik dan boleh digunakan, tidak bertanggungjawab ke atas apa-apa

akibat yang mungkin timbul disebabkan oleh kerosakan atau hal keadaan luar jangkaan lain yang termasuklah kecatatan teknikal dan akibat lain yang tidak disebabkan oleh kesalahan Lembaga yang berlaku dalam tempoh sewaan itu.

(2) Kelengkapan mekanikal, peralatan dan perkakasan disewakan dengan syarat bahawa segala liabiliti adalah terletak pada penyewa yang dikehendaki menanggung rugi Lembaga dengan sewajarnya.

(3) Apa-apa perbelanjaan untuk membaiki atau memperbaharui kelengkapan mekanikal, peralatan dan perkakasan yang disewakan oleh Lembaga, selain kos bagi rosak rosot biasa, hendaklah dikenakan sebagai tambahan kepada caj biasa bagi penyewaan kelengkapan mekanikal, peralatan dan perkakasan itu.

(4) Apabila kren yang mempunyai keupayaan yang dikehendaki tidak boleh didapati daripada Lembaga, Pengurus Terminal boleh, atas permohonan, membenarkan suatu kren dari jenis yang sesuai untuk dibawa masuk dari luar Pelabuhan.

Syarat-syarat am

55. (1) Lembaga tidak boleh menyediakan apa-apa perkhidmatan atau tempat tinggal kepada mana-mana orang melainkan jika orang itu membuat permintaan secara bertulis bagi perkhidmatan atau tempat tinggal itu, dan jika permintaan itu dibuat, Lembaga boleh, jika difikirkan patut untuk berbuat demikian demi kepentingan Lembaga, menolak permintaan itu tanpa memberikan apa-apa sebab.

(2) Arahan penyerahan untuk menyerahkan kargo yang diimport tidak boleh diambil tindakan ke atasnya sehingga arahan itu diterima secara bertulis daripada pemilik kapal atau ejennya.

(3) Apa-apa arahan perkapalan bagi pengiriman apa-apa kargo tidak boleh diambil tindakan ke atasnya melainkan jika arahan perkapalan itu diendorskan oleh pemilik kapal atau ejennya.

(4) Dalam segala hal, kehendak Kastam dan Pihak Berkuasa Zon Bebas hendaklah dipatuhi sebelum penyerahan atau pengiriman dilaksanakan.

(5) Lembaga boleh, apabila pengguna pelabuhan diberitahu, memindahkan kargo pada bila-bila masa yang difikirkannya perlu, dan caj pemindahan yang bersesuaian hendaklah terpakai.

Pembatalan

56. Undang-Undang Kecil Lembaga Pelabuhan Johor (Skel Kadar, Dius dan Caj) 1988 [*P.U. (A) 366/1988*] dibatalkan.

JADUAL PERTAMA

CAJ AKAUN VESEL

BAHAGIAN I CAJ MARIN YANG DISATUKAN [undang-undang kecil 4]

<i>Butiran</i>	<i>PK vesel</i>	<i>(RM)</i>
1	Vesel sehingga 80 meter dan kurang (termasuk penyediaan satu kapal tunda)	2,800.00
2	Vesel melebihi 80 meter tetapi tidak melebihi 125 meter (termasuk penyediaan satu kapal tunda)	3,500.00
3	Vesel melebihi 125 meter tetapi tidak melebihi 185 meter (termasuk penyediaan dua kapal tunda)	7,700.00
4	Vesel melebihi 185 meter tetapi tidak melebihi 240 meter (termasuk penyediaan dua kapal tunda)	9,900.00
5	Vesel melebihi 240 meter tetapi tidak melebihi 280 meter (termasuk penyediaan dua kapal tunda untuk menghimpit atau meninggalkan himpitan dan penyediaan satu kapal tunda pengiring)	14,500.00
6	Melebihi 280 meter (termasuk penyediaan dua kapal tunda untuk menghimpit atau meninggalkan himpitan dan penyediaan dua kapal tunda pengiring)	23,960.00

BAHAGIAN 2
CAJ PENAHANAN MALIM
[perenggan 5(2)]

<i>Butiran</i>	<i>Caj penahanan malim</i>	<i>Bagi setiap setengah jam atau sebahagian daripadanya (RM)</i>
1	Penahanan malim	150.00

BAHAGIAN 3
CAJ PENAHANAN KAPAL TUNDA
[perenggan 6(1)]

<i>Butiran</i>	<i>Caj penahanan kapal tunda</i>	<i>Bagi setiap setengah jam atau sebahagian daripadanya (RM)</i>
1	Penahanan kapal tunda disebabkan kelewatan dalam perlepasan vesel	200.00

BAHAGIAN 4
CAJ PERMINTAAN LEWAT, PERUBAHAN DAN PEMBATALAN PERKHIDMATAN
PEMALIMAN DAN KAPAL TUNDA
[perenggan 7(2)]

<i>Butiran</i>	<i>Permintaan lewat, perubahan dan pembatalan perkhidmatan pemaliman dan kapal tunda</i>	<i>(RM)</i>
1	Permintaan, perubahan dan pembatalan perkhidmatan kurang daripada 2 jam notis	500.00

BAHAGIAN 5
CAJ PERKHIDMATAN KAPAL TUNDA
[perenggan 8(2)]

<i>Butiran</i>	<i>Caj perkhidmatan kapal tunda</i>	<i>(RM)</i>
1	Semua vesel di dermaga Lembaga	8.00 bagi setiap meter setiap jam atau sebahagian daripadanya
2	Semua vesel di jeti persendirian	2,000.00 bagi setiap jam atau sebahagian daripadanya dari pengkalan ke pengkalan

BAHAGIAN 6
CAJ PERKHIDMATAN TAMBATAN
[undang-undang kecil 9]

<i>Butiran</i>	<i>Caj perkhidmatan tambatan</i>	<i>Bagi setiap meter setiap operasi bagi setiap vesel (RM)</i>
1	Semua vesel	1.15 (sehingga maksimum 170.00)
	Caj tambahan bagi perkhidmatan tambatan yang dilaksanakan di mana-mana dermaga yang dikendalikan secara persendirian yang diluluskan di dalam Pelabuhan	0.60

BAHAGIAN 7
CAJ PERKHIDMATAN PEMALIMAN
[undang-undang kecil 10]

<i>Butiran</i>	<i>PK vesel</i>	<i>Bagi setiap meter PK setiap jam setiap pergerakan atau sebahagian daripadanya (RM)</i>
1	Vesel melebihi 15 meter PK yang menghendaki perkhidmatan pemaliman di dermaga Lembaga	4.00
2	Vesel melebihi 15 meter PK yang menghendaki perkhidmatan pemaliman di jeti persendirian	6.50
3	Vesel melebihi 15 meter tanpa malim	2.00

BAHAGIAN 8
DIUS PELABUHAN BAGI VESEL YANG MEMUATKAN ATAU MEMUNGGAH KARGO ATAU
MENGAMBIL ATAU MENURUNKAN PENUMPANG
[subperenggan 11(1)(a)]

<i>Butiran</i>	<i>PK Vesel</i>	<i>Bagi setiap meter atau sebahagian daripadanya (RM)</i>
1	Vesel sehingga 15 meter	Tiada
2	Vesel melebihi 15 meter tetapi tidak melebihi 90 meter	3.00
3	Vesel melebihi 90 meter tetapi tidak melebihi 175 meter	9.00
4	Vesel melebihi 175 meter tetapi tidak melebihi 280 meter	15.00
5	Vesel melebihi 280 meter	25.00

BAHAGIAN 9
DIUS PELABUHAN BAGI VESEL YANG MENDUDUKI TEMPAT BERLABUH DILULUSKAN
LEMBAGA
[subperenggan 11(1)(b)]

<i>Butiran</i>	<i>PKVesel</i>	<i>Bagi setiap meter atau sebahagian daripadanya (RM)</i>
1	Vesel sehingga 15 meter	Tiada
2	Vesel melebihi 15 meter tetapi tidak melebihi 90 meter	1.50
3	Vesel melebihi 90 meter tetapi tidak melebihi 175 meter	4.50
4	Vesel melebihi 175 meter tetapi tidak melebihi 280 meter	7.50
5	Vesel melebihi 280 meter	12.50

BAHAGIAN 10
REBET DIUS PELABUHAN BAGI VESEL BERJADUAL SECARA BULANAN
[perenggan 11(4)]

<i>Butiran</i>	<i>Kekerapan ketibaan</i>	<i>Peratusan rebet dius pelabuhan</i>
1	Bagi satu ketibaan bagi setiap bulan kalendar	20%
2	Bagi dua ketibaan bagi setiap bulan kalendar	25%
3	Bagi tiga ketibaan bagi setiap bulan kalendar	30%

BAHAGIAN 11
DIUS SIMPAN TUNGGU
[undang-undang kecil 12]

<i>Butiran</i>	<i>TK bagi setiap vesel</i>	<i>Bagi setiap 30 hari atau sebahagian daripadanya (RM)</i>
1	1,000 TK dan kurang	2,000.00
2	Melebihi 1,000 TK sehingga 2,000 TK	3,000.00
3	Melebihi 2,000 TK sehingga 15,000 TK	4,000.00
4	Melebihi 15,000 TK	7,300.00
	Caj tambahan bagi setiap 100 TK yang melebihi 15,000 TK	3.50

BAHAGIAN 12
CAJ DOKEJ
[perenggan 13(1)]

<i>Butiran</i>	<i>Jenis kargo/penumpang</i>	<i>Bagi setiap meter bagi setiap jam atau sebahagian daripadanya bagi setiap vesel (RM)</i>
1	Kargo am	1.15
2	Kargo pukal cecair	2.50
3	Kargo pukal kering	2.50
4	Kontena dan kargo ro-ro	1.00
5	Barang berbahaya	3.50
6	Penumpang	2.50

BAHAGIAN 13
CAJ PEMBATALAN BAGI MEMBATALKAN TEMPAT HIMPITAN YANG DIPERUNTUKKAN DI
TERMINAL PUKAL DAN PECAH PUKAL
[undang-undang kecil 14]

<i>Butiran</i>	<i>Caj pembatalan</i>	<i>Bagi setiap vesel (RM)</i>
1	Membatalkan tempahan tempat himpitan yang telah diperuntukkan kurang daripada 8 jam notis bagi vesel yang melebihi PK 50 meter	100.00

BAHAGIAN 14
CAJ DERMAGA DI DERMAGA YANG DIKENDALIKAN SECARA PERSENDIRIAN
[undang-undang kecil 15]

<i>Butiran</i>	<i>Caj dermaga</i>	<i>Bagi setiap tan atau sebahagian daripadanya (RM)</i>
1	Semua kargo	0.50

BAHAGIAN 15
CAJ PEMUNGGAH KARGO BAGI MEMUATKAN ATAU MEMUNGGAH KARGO IMPORT ATAU
EKSPORT
[subperenggan 16(1)(a)]

<i>Butiran</i>	<i>Jenis kargo</i>	<i>Bagi setiap tan atau sebahagian daripadanya (dengan peralatan pemuatan atau pemunggaan) (RM)</i>
1	Kargo yang dipaletkan atau diunitkan	4.50
2	Kargo dalam berkas, beg, tong atau bendela	6.15
3	Konkrit, keluli atau logam lain	7.50
4	Barang berbahaya	9.50
5	Kenderaan dua tan dan kurang	<i>Bagi setiap unit tanpa peralatan (RM)</i>
		45.00
6	Kenderaan melebihi dua tan	45.00
	Caj tambahan bagi setiap unit bagi setiap satu tan berikutnya	6.00
7	Lain-lain	8.00

BAHAGIAN 16
CAJ PEMUNGGAH KARGO BAGI MENGALIHKAN KARGO IMPORT ATAU EKSPORT
[subperenggan 16(1)(b)]

<i>Butiran</i>	<i>Jenis perkhidmatan</i>	<i>Bagi setiap tan atau sebahagian daripadanya (RM)</i>
1	Mengalihkan kargo pada aras yang sama dalam petak yang sama	4.50
2	Mengalihkan kargo dalam petak yang sama dari satu aras ke satu aras yang lain	9.00
3	Mengalihkan kargo dari satu petak ke petak yang lain atau menerima kargo dan mengeksport semula untuk memudahkan penyimpanan	11.30

BAHAGIAN 17
CAJ PEMUNGGAH KARGO BAGI MENUNGGU SEDIA TETAPI TIDAK BEKERJA DAN PEMBATALAN TEMPAHAN
[subperenggan 16(1)(c) dan perenggan 16(4)]

<i>Butiran</i>	<i>Pemunggaah kargo menunggu sedia</i>	<i>Bagi setiap kumpulan setiap syif atau sebahagian daripadanya (RM)</i>
1	Pemunggaah kargo menunggu sedia tetapi tidak bekerja	330.00
2	Pembatalan tempahan pemunggaah kargo kurang daripada 3 jam notis	330.00

BAHAGIAN 18
CAJ PERMOHONAN LEWAT ATAU PEMBATALAN PEMUNGGAH KARGO
[perenggan 16(3)]

<i>Butiran</i>	<i>Permohonan lewat</i>	<i>Bagi setiap kumpulan (RM)</i>
1	Permohonan lewat atau pembatalan	30.00

BAHAGIAN 19
CAJ RO-RO BAGI MEMUATKAN ATAU MEMUNGGAH KENDERAAN
[subperenggan 17(a)]

<i>Butiran</i>	<i>Kenderaan</i>	<i>Bagi setiap unit setiap jam atau sebahagian daripadanya (RM)</i>
1	Kenderaan 5 tan dan kurang	20.00
2	Kenderaan melebihi 5 tan tetapi tidak melebihi 10 tan	40.00
3	Kenderaan melebihi 10 tan	80.00

BAHAGIAN 20
CAJ RO-RO BAGI MEMUATKAN DAN MEMUNGGAH KARGO
[subperenggan 17(b)]

<i>Butiran</i>	<i>Jenis kargo</i>	<i>Bagi setiap tan atau sebahagian daripadanya (RM)</i>
1	Semua jenis kargo	2.00

BAHAGIAN 21
CAJ RO-RO BAGI MEMUATKAN ATAU MEMUNGGAH KONTENA
[subperenggan 17(c)]

<i>Butiran</i>	<i>Jenis perkhidmatan</i>	<i>Bagi setiap kontena (RM)</i>
1	Pemuatan atau pemunggaan kontena dengan menggunakan tanjakan vesel	30.00

BAHAGIAN 22
CAJ PENUMPANG
[undang-undang kecil 18]

<i>Butiran</i>	<i>Penumpang yang naik atau turun di dermaga Lembaga</i>	<i>(RM)</i>
1	Dewasa (lebih daripada 12 tahun)	4.50
2	Kanak-kanak (12 tahun dan ke bawah)	2.30

BAHAGIAN 23
CAJ PENGENDALIAN BAGI KONTENA YANG MENGGUNAKAN KREN PELABUHAN
[subperenggan 19(1)(a) dan perenggan 48(2)]

<i>Butiran</i>	<i>Status kontena</i>	<i>Bagi setiap kontena</i>	
		<i>20 kaki panjang (RM)</i>	<i>40 kaki panjang dan ke atas (RM)</i>
1	KMP bermuatan (Import/Eksport)		
	(a) Kontena biasa yang mengandungi barang tidak berbahaya atau barang berbahaya Kumpulan III	215.00	310.00
	(b) Kontena biasa yang mengandungi barang berbahaya Kumpulan I dan II	230.00	345.00
	(c) Kontena biasa dari tongkang atau baj yang mengandungi barang tidak berbahaya atau barang berbahaya Kumpulan III	265.00	395.00

2	KMK bermuatan (Import/Export)	405.00	605.00
	(a) Kontena biasa yang mengandungi barang tidak berbahaya atau barang berbahaya Kumpulan III		
	(b) Kontena biasa yang mengandungi barang berbahaya Kumpulan I dan II	410.00	610.00
	(c) Kontena biasa dari tongkang atau baj yang mengandungi barang tidak berbahaya atau barang berbahaya Kumpulan III	498.00	744.00
3	Kontena kosong (Import/Eksport)		
	(a) Kontena biasa	155.00	240.00
	(b) Kontena biasa dari tongkang atau baj	250.00	360.00
4	Pindah kapal (masuk/keluar)		
	(a) Kontena biasa yang mengandungi barang tidak berbahaya atau barang berbahaya Kumpulan III	95.00	140.00
	(b) Kontena biasa yang mengandungi barang berbahaya Kumpulan I dan II	140.00	210.00
	(c) Kontena biasa dari tongkang atau baj yang mengandungi barang tidak berbahaya atau barang berbahaya Kumpulan III	210.00	325.00

BAHAGIAN 24
CAJ PENGENDALIAN BAGI KONTENA YANG MENGGUNAKAN KREN VESEL
[subperenggan 19(1)(b)]

<i>Butiran</i>	<i>Status kontena</i>	<i>Bagi setiap kontena</i>	
		<i>20 kaki panjang (RM)</i>	<i>40 kaki panjang dan ke atas (RM)</i>
1	KMP bermuatan (Import/Eksport)		
	(a) Kontena biasa yang mengandungi barang tidak berbahaya atau barang berbahaya Kumpulan III	170.00	205.00
	(b) Kontena biasa yang mengandungi barang berbahaya Kumpulan I dan II	230.00	345.00
2	KMK bermuatan (Import/Eksport)		
	(a) Kontena biasa yang mengandungi barang tidak berbahaya atau barang berbahaya Kumpulan III	355.00	500.00
	(b) Kontena biasa yang mengandungi barang berbahaya Kumpulan I dan II	360.00	505.00
3	Kontena kosong (Import/ Eksport)	145.00	190.00
4	Pindah kapal		
	(a) Kontena biasa yang mengandungi barang tidak berbahaya atau barang berbahaya Kumpulan III	60.00	90.00
	(b) Kontena biasa yang mengandungi barang berbahaya Kumpulan I dan II	140.00	210.00
	(c) Kontena biasa kosong	60.00	90.00

BAHAGIAN 25
CAJ PENGENDALIAN TAMBAHAN BAGI MENGALIHKAN KONTENA DALAM RUANG
YANG SAMA
[subperenggan 20(1)(a)]

<i>Butiran</i>	<i>Status kontena</i>	<i>Bagi setiap kontena</i>
		<i>Dalam ruang yang sama (RM)</i>
1	Pengalihan menggunakan kren Pelabuhan	
	(a) Kontena biasa yang mengandungi barang tidak berbahaya atau barang berbahaya Kumpulan III, kontena kosong atau kotak gear	60.00
	(b) Kontena biasa yang mengandungi barang berbahaya Kumpulan I dan II	88.00
2	Pengalihan menggunakan kren vesel	
	(a) Kontena biasa yang mengandungi barang tidak berbahaya atau barang berbahaya Kumpulan III, kontena kosong atau gear box	50.00
	(b) Kontena biasa yang mengandungi barang berbahaya Kumpulan I dan II	100.00

BAHAGIAN 26
CAJ PENGENDALIAN TAMBAHAN BAGI MENGALIHKAN KONTENA DARI RUANG KE
RUANG ATAU PETAK KE PETAK
[subperenggan 20(1)(b)]

<i>Butiran</i>	<i>Status kontena</i>	<i>Bagi setiap kontena</i>
		<i>Dari ruang ke ruang/petak ke petak (RM)</i>
1	Pengalihan menggunakan kren Pelabuhan	
	(a) Kontena biasa yang mengandungi barang tidak berbahaya atau barang berbahaya Kumpulan III, kontena kosong atau kotak gear	120.00

	(b) Kontena biasa yang mengandungi barang berbahaya Kumpulan I dan II	175.00
2	Pengalihan menggunakan kren vesel	
	(a) Kontena biasa yang mengandungi barang tidak berbahaya atau barang berbahaya Kumpulan III, kontena kosong atau kotak gear	100.00
	(b) Kontena biasa yang mengandungi barang berbahaya Kumpulan I dan II	150.00

BAHAGIAN 27
CAJ PENGENDALIAN TAMBAHAN BAGI MENGALIHKAN KONTENA DLU ATAU
KONTENA ROSAK DALAM RUANG YANG SAMA
[subperenggan 20(1)(c)]

Butiran	Status kontena	Bagi setiap kontena
		Dalam ruang yang sama (RM)
1	Pengalihan kontena DLU atau kontena rosak di atas vesel dalam ruang yang sama menggunakan kren vesel	
	(a) 15 tan dan kurang	100.00
	(b) Melebihi 15 tan tetapi tidak melebihi 20 tan	132.00
	(c) Melebihi 20 tan tetapi tidak melebihi 25 tan	166.00
	(d) Melebihi 25 tan tetapi tidak melebihi 30 tan	199.00
	(e) Melebihi 30 tan tetapi tidak melebihi 35 tan	231.00
	(f) Melebihi 35 tan tetapi tidak melebihi 40 tan	261.00

BAHAGIAN 28
CAJ PENGENDALIAN TAMBAHAN BAGI MENGALIHKAN KONTENA DLU ATAU
KONTENA ROSAK DARI RUANG KE RUANG ATAU PETAK KE PETAK
[subperenggan 20(1)(d)]

<i>Butiran</i>	<i>Status kontena</i>	<i>Bagi setiap kontena</i>
		<i>Dari ruang ke ruang/ petak ke petak (RM)</i>
1	Pengalihan kontena DLU atau kontena rosak di atas vesel dalam ruang yang sama menggunakan kren vesel	200.00
	(a) 15 tan dan kurang	264.00
	(b) Melebihi 15 tan tetapi tidak melebihi 20 tan	332.00
	(c) Melebihi 20 tan tetapi tidak melebihi 25 tan	398.00
	(d) Melebihi 25 tan tetapi tidak melebihi 30 tan	462.00
	(e) Melebihi 30 tan tetapi tidak melebihi 35 tan	522.00
	(f) Melebihi 35 tan tetapi tidak melebihi 40 tan	

BAHAGIAN 29
CAJ PENGENDALIAN TAMBAHAN BAGI MEMBUKA DAN MENUTUP PENUTUP HAC
[subperenggan 20(1)(e)]

<i>Butiran</i>	<i>Jenis perkhidmatan</i>	<i>Bagi setiap hac (RM)</i>
1	Membuka dan menutup penutup hac	
	(a) Menggunakan kren Pelabuhan	130.00
	(b) Menggunakan kren vessel	150.00

BAHAGIAN 30
CAJ PENGENDALIAN TAMBAHAN BAGI MENGANGKAT KARGO TIDAK BERKONTENA
[subperenggan 20(1)(f)]

<i>Butiran</i>	<i>Tanan kargo</i>	<i>Bagi setiap pengangkatan bagi setiap jam atau sebahagian daripadanya (RM)</i>
1	(a) Kargo 15 tan dan kurang (b) Kargo melebihi 15 tan tetapi tidak melebihi 20 tan	240.00 700.00

BAHAGIAN 31
CAJ PEMBATALAN BAGI MEMBATALKAN TEMPAHAN TEMPAT HIMPITAN YANG DIPERUNTUKKAN DI TERMINAL KONTENA
[undang-undang kecil 21]

<i>Butiran</i>	<i>Caj pembatalan</i>	<i>Bagi setiap vesel (RM)</i>
1	Membatalkan tempahan tempat himpitan yang diperuntukkan di terminal kontena kurang daripada 5 jam notis	200.00

JADUAL KEDUA

CAJ AKAUN PEKAPAL ATAU PENERIMA KONSAIN

BAHAGIAN 1
CAJ AM
[undang-undang kecil 23]

<i>Butiran</i>	<i>Jenis kargo</i>	<i>Bagi setiap tan atau sebahagian daripadanya (RM)</i>
1	Semua kargo	0.60

BAHAGIAN 2
CAJ PERKHIDMATAN DERMAGA
[undang-undang kecil 24]

<i>Butiran</i>	<i>Jenis kargo</i>	<i>Penerimaan dan penghantaran di dermaga bagi setiap tan atau setiap meter persegi atau sebahagian daripadanya (secara langsung)</i> <i>(RM)</i>	<i>Penerimaan, penyimpanan dan penghantaran di gudang dan penyimpanan terbuka bagi setiap tan atau setiap meter padu atau sebahagian daripadanya (tidak secara langsung) – terhadap kepada pembekalan trelar pindah dermaga dengan kapasiti maksimum 40 tan dan satu forklift dengan kapasiti maksimum 3 tan</i> <i>(RM)</i>
1	Kargo yang dipaletkan atau diunitkan	3.80	5.10
2	Kargo dalam bandela atau dalam berkas atau kayu gergaji	3.30	6.80
3	Konkrit, keluli atau logam lain	4.40	6.80
4	Kargo yang dibegkan	3.80	5.70
5	Kargo dalam tong	3.80	5.10
6	Barang berbahaya Kumpulan I dan II	13.60	Tiada
7	Barang berbahaya Kumpulan III	6.60	10.20
8	Kenderaan 2 tan dan kurang (bagi setiap unit)	33.00	39.60

9	Kenderaan melebihi 2 tan (bagi setiap unit)	44.00	50.90
10	Haiwan ternakan (bagi setiap ekor)	1.10	Tiada
11	Kargo kering yang lain (kargo yang tidak dinyatakan seperti kargo cerai, kayu balak bulat, batu granit, jentera, kargo projek, dsb.)	6.05	8.50
12	Tidak boleh dimakan: Kargo pukal cecair (barang berbahaya)	<i>Penerimaan ke dalam kenderaan atau pemasangan melalui saluran paip atau pengangkut bagi setiap tan atau sebahagian daripadanya (secara langsung) (RM)</i>	
		Kumpulan I Kumpulan II Kumpulan III	3.80 3.30 2.70
13	Boleh dimakan: kargo pukal cecair	2.20	
14	Kargo pukal kering	<i>Secara konvensional bagi setiap tan atau sebahagian daripadanya (secara langsung) (RM)</i>	<i>Secara saluran paip atau pengangkut bagi setiap tan atau sebahagian daripadanya (secara langsung) (RM)</i>
		2.80	2.10
15			<i>Bagi setiap tan atau bagi setiap meter padu atau sebahagian daripadanya</i>
	Kargo pindah kapal atau dieksport semula		
	(a) Barang berbahaya		50% daripada kadar biasa
	(b) Barang tidak berbahaya		
	(i) Kargo cecair		75% daripada kadar biasa
	(ii) Kargo pukal kering		75% daripada kadar biasa

	(c) Kargo am yang disenarai di bawah butiran 1, 2, 3, 4, 5 dan 11	50% daripada kadar biasa
--	---	--------------------------

BAHAGIAN 3
CAJ PERKHIDMATAN PEMINDAHAN
[perenggan 25(1)]

<i>Butiran</i>	<i>Jenis perkhidmatan</i>	<i>Bagi setiap tan atau sebahagian daripadanya (RM)</i>
1	Pemindahan kargo dari satu gudang ke satu gudang yang lain atau dari gudang ke tempat simpanan atau sebaliknya di dalam premis pelabuhan	4.40

BAHAGIAN 4
CAJ PENYIMPANAN BAGI KARGO PUKAL DAN PECAH PUKAL PINDAH KAPAL ATAU EKSPORT SEMULA
[subperenggan 26(1)(a)]

<i>Butiran</i>	<i>Tempoh penyimpanan</i>	<i>Bagi setiap tan atau sebahagian daripadanya/ setiap minggu atau sebahagian daripadanya (RM)</i>
1	Bagi tiga minggu yang pertama yang dikira dari tarikh pemunggahan disiapkan oleh vesel pertama	Tiada
2	Bagi minggu keempat dan minggu-minggu yang berikutnya, yang dikira dari tarikh pemunggahan disiapkan oleh vesel pertama	8.00

BAHAGIAN 5
CAJ PENYIMPANAN BAGI KARGO PUKAL DAN PECAH PUKAL IMPORT
[subperenggan 26(1)(b)]

<i>Butiran</i>	<i>Tempoh penyimpanan</i>	<i>Bagi setiap tan atau sebahagian daripadanya (RM)</i>	
		<i>Gudang</i>	<i>Tempat simpanan terbuka</i>
1	Bagi tiga hari yang pertama	Tiada	Tiada
2	Bagi hari yang keempat atau sebahagian daripadanya	1.50	0.75
3	Bagi hari yang kelima hingga keempat belas, bagi setiap hari atau sebahagian daripadanya	0.50	0.25
4	Bagi minggu yang ketiga dan minggu-minggu yang berikutnya, bagi setiap minggu atau sebahagian daripadanya	7.00	4.00

BAHAGIAN 6
CAJ PENYIMPANAN BAGI BARANG BERBAHAYA KUMPULAN III IMPORT
[subperenggan 26(1)(c)]

<i>Butiran</i>	<i>Tempoh penyimpanan</i>	<i>Bagi setiap tan atau sebahagian daripadanya (RM)</i>
1	Bagi tiga hari yang pertama	2.25
2	Bagi hari yang keempat hingga ke keempat belas, bagi setiap hari atau sebahagian daripadanya	3.00
3	Bagi minggu ketiga dan minggu-minggu yang berikutnya, bagi setiap minggu atau sebahagian daripadanya	10.50

BAHAGIAN 7
CAJ PENYIMPANAN BAGI KARGO PUKAL DAN PECAH PUKAL EKSPORT
[subperenggan 26(1)(d)]

<i>Butiran</i>	<i>Tempoh penyimpanan</i>	<i>Bagi setiap tan atau sebahagian daripadanya (RM)</i>	
		<i>Gudang</i>	<i>Tempat simpanan terbuka</i>
1	Bagi enam hari yang pertama	Tiada	Tiada
2	Bagi hari yang ketujuh atau sebahagian daripadanya	1.50	0.75
3	Bagi hari yang kelapan hingga keempat belas bagi setiap hari atau sebahagian daripadanya	0.50	0.25
4	Bagi minggu yang ketiga dan minggu-minggu yang berikutnya, bagi setiap minggu atau sebahagian daripadanya	5.50	2.75

BAHAGIAN 8
CAJ PENYIMPANAN BAGI BARANG BERBAHAYA KUMPULAN III EKSPORT
[subperenggan 26(1)(e)]

<i>Butiran</i>	<i>Tempoh penyimpanan</i>	<i>Bagi setiap tan atau sebahagian daripadanya (RM)</i>
1	Bagi enam yang hari pertama	2.25
2	Bagi hari yang ketujuh hingga keempat belas bagi setiap hari atau sebahagian daripadanya	3.00
3	Bagi minggu yang ketiga dan minggu-minggu yang berikutnya, bagi setiap minggu atau sebahagian daripadanya	8.25

BAHAGIAN 9
CAJ PENYIMPANAN BAGI KARGO PUKAL DAN PECAH PUKAL EXPORT YANG
DITINGGALKAN KAPAL
[subperenggan 26(1)(f)]

<i>Butiran</i>	<i>Tempoh penyimpanan</i>	<i>Bagi setiap unit bagi setiap tan atau sebahagian daripadanya (RM)</i>
1	Bagi enam yang hari pertama	Tiada
2	Bagi setiap minggu atau sebahagian daripadanya	4.00

BAHAGIAN 10
CAJ PENYIMPANAN BAGI KENDERAAN
[subperenggan 26(1)(g)]

<i>Butiran</i>	<i>Jenis kenderaan/tanan kenderaan</i>	<i>Bagi setiap kenderaan bagi setiap hari atau sebahagian daripadanya (RM)</i>	
		<i>Gudang</i>	<i>Tempat simpanan terbuka</i>
1	Kenderaan sehingga dua tan	4.00	2.00
2	Kenderaan melebihi daripada dua tan	5.00	3.00
3	Motosikal, skuter, basikal, basikal beroda tiga, kereta sorong	1.50	1.00

BAHAGIAN 11
CAJ PENYIMPANAN BAGI KARGO ROSAK
[subperenggan 26(1)(h)]

<i>Butiran</i>	<i>Jenis kargo</i>	<i>Bagi setiap tan setiap hari atau sebahagian daripadanya (RM)</i>	
		<i>Gudang</i>	<i>Tempat simpanan terbuka</i>
1	Kargo rosak	1.50	0.75

BAHAGIAN 12
CAJ PENYIMPANAN BAGI KARGO YANG DITINGGALKAN DI PREMIS PELABUHAN
[perenggan 26(1)(i)]

Butiran	<i>Jenis kargo</i>	<i>Bagi setiap tan setiap hari atau sebahagian daripadanya (RM)</i>
1	Kargo yang ditinggalkan di premis pelabuhan	3.50

BAHAGIAN 13
CAJ PERKHIDMATAN DERMAGA DI DERMAGA YANG DIKENDALIKAN SECARA
PERSENDIRIAN
[undang-undang kecil 27]

<i>Butiran</i>	<i>Jenis kargo</i>	<i>Bagi setiap tan setiap hari atau sebahagian daripadanya (RM)</i>
1	Semua kargo	0.50

BAHAGIAN 14
CAJ PENGENDALIAN BAGI KARGO PUKAL KERING
[subperenggan 28(a)]

Butiran	<i>Kelengkapan pengendalian kargo pukal</i>	<i>Bagi setiap tan atau sebahagian daripadanya (RM)</i>
1	Menggunakan kren sahaja	
	(a) Pemerah isirung kelapa sawit dan baja	6.60
	(b) Klinker	5.50
	(c) Bijirin	5.50
	(d) Lain-lain	6.60
2	Menggunakan sistem pengangkut atau paip sahaja	
	(a) Pemerah isirung kelapa sawit dan baja	5.00
	(b) Klinker	2.80
	(c) Bijirin	2.80
	(d) Lain-lain	5.00

3	Menggunakan kren dan sistem pengangkut atau paip sahaja	
	(a) Pemerah isirung kelapa sawit dan baja	10.50
	(b) Klinker	7.15
	(c) Bijirin	7.15
	(d) Lain-lain	10.50
4	Menggunakan kren vesel (termasuk cekau dan corong)	30% pengurangan daripada butiran 1
5	Meratakan	0.70

BAHAGIAN 15
CAJ PENGENDALIAN BAGI KARGO PUKAL CECAIR
[perenggan 28(b)]

<i>Butiran</i>	<i>Kelengkapan pengendalian kargo pukal</i>	<i>Bagi setiap tan atau sebahagian daripadanya (RM)</i>
1	Menggunakan lengan punggung muat	0.35

JADUAL KETIGA
CAJ AKAUN VESEL, PEKAPAL ATAU PENERIMA KONSAIN

BAHAGIAN 1
CAJ JAMBATAN TIMBANG
[perenggan 30(1)]

<i>Butiran</i>	<i>Status lori</i>	<i>Bagi setiap lori / kontena bagi setiap timbangan (RM)</i>
1	Lori kosong	3.00
2	Lori dengan muatan kargo pukal dan pecah pukal	6.00
3	Lori dengan kontena	5.00

BAHAGIAN 2
CAJ PENIMBANG MUDAH ALIH
[perenggan 30(2)]

<i>Butiran</i>	<i>Lokasi</i>	<i>(RM)</i>
1	Terminal pukal dan pecah pukal	300.00 bagi setiap unit penimbang bagi setiap syif atau sebahagian daripadanya
2	SBK	1.00 bagi setiap timbangan

BAHAGIAN 3
CAJ PENGGUNAAN RUANG GUDANG ATAU TEMPAT SIMPANAN TERBUKA
[undang-undang kecil 31]

<i>Butiran</i>	<i>Lokasi</i>	<i>Bagi setiap syif atau setiap meter persegi atau sebahagian daripadanya (RM)</i>
1	Gudang	1.00
2	Tempat simpanan terbuka	0.50

BAHAGIAN 4
CAJ PENYIMPANAN BAGI KONTENA
[undang-undang kecil 32 dan perenggan 44(3) dan (4)]

<i>Butiran</i>	<i>Jenis kontena</i>	<i>Bagi setiap 24 jam atau sebahagian daripadanya (RM)</i>	
		<i>20 kaki panjang</i>	<i>40 kaki panjang dan ke atas</i>
1	Kontena biasa bermuatan atau kosong atau kontena biasa yang mengandungi barang tidak berbahaya atau barang berbahaya Kumpulan III (Import/Eksport)	4.00	8.00
2	Kontena DLU atau kontena rosak (Import/Export)	15.00	30.00
3	Casis treler	2.00 bagi setiap jam atau sebahagian daripadanya	4.00 bagi setiap jam atau sebahagian daripadanya

BAHAGIAN 5
CAJ BAGI PERKHIDMATAN KONTENA SEJUK
[undang-undang kecil 33]

<i>Butiran</i>	<i>Jenis perkhidmatan</i>	<i>Bagi setiap kontena (RM)</i>
1	Pemasangan atau pemotongan bekalan elektrik di atas vesel	15.00
2	Pemasangan atau pemotongan bekalan elektrik di blok sejuk Pelabuhan	15.00
3	Pemeriksaan pra-perjalanan	100.00
4	Perkhidmatan sejuk di atas vesel (bagi kontena yang telah berada di atas vesel)	150.00
5	Perkhidmatan memantau kontena sejuk di blok sejuk Pelabuhan	11.00 bagi setiap syif
6	Fi pemeriksaan kontena sejuk di blok sejuk Pelabuhan	15.00 bagi setiap pemeriksaan

BAHAGIAN 6
CAJ PENGENDALIAN BAGI KONTENA DLU, KONTENA ROSAK ATAU KONTENA BUKAN
BERSTANDARD ISO
[perenggan 34(1)]

<i>Butiran</i>	<i>Tanan kontena</i>	<i>Import/ Export</i>	<i>Pindah kapal</i>
		<i>Bagi setiap pengangkatan setiap jam atau sebahagian daripadanya (RM)</i>	<i>Bagi setiap pengangkatan setiap jam atau sebahagian daripadanya (RM)</i>
1	15 tan dan kurang	325.00	292.00
2	Melebihi 15 tan tetapi tidak melebihi 20 tan	430.00	387.00
3	Melebihi 20 tan tetapi tidak melebihi 25 tan	540.00	486.00
4	Melebihi 25 tan tetapi tidak melebihi 30 tan	645.00	580.00
5	Melebihi 30 tan tetapi tidak melebihi 35 tan	750.00	675.00
6	Melebihi 35 tan tetapi tidak melebihi 40 tan	845.00	760.00

BAHAGIAN 7

CAJ PENGALIHAN BAGI KONTENA DLU, KONTENA ROSAK ATAU KONTENA BUKAN
BERSTANDARD ISO DI ATAS KAPAL DENGAN MENGGUNAKAN KREN PELABUHAN DI
DALAM RUANG YANG SAMA
[subperenggan 35(1)(a)]

<i>Butiran</i>	<i>Tanan kontena</i>	<i>Bagi setiap kontena setiap pengangkatan bagi setiap jam atau sebahagian daripadanya (RM)</i>
1	15 tan dan kurang	91.00
2	Melebihi 15 tan tetapi tidak melebihi 20 tan	120.00
3	Melebihi 20 tan tetapi tidak melebihi 25 tan	151.00
4	Melebihi 25 tan tetapi tidak melebihi 30 tan	181.00
5	Melebihi 30 tan tetapi tidak melebihi 35 tan	210.00
6	Melebihi 35 tan tetapi tidak melebihi 40 tan	237.00

BAHAGIAN 8

CAJ PENGALIHAN BAGI KONTENA DLU, KONTENA ROSAK ATAU KONTENA BUKAN
BERSTANDARD ISO DI ATAS KAPAL DENGAN MENGGUNAKAN KREN PELABUHAN DARI
RUANG KE RUANG ATAU PETAK KE PETAK
[subperenggan 35(b)]

<i>Butiran</i>	<i>Tanan kontena</i>	<i>Bagi setiap kontena setiap penangkatan bagi setiap jam atau sebahagian daripadanya (RM)</i>
1	15 tan dan kurang	182.00
2	Melebihi 15 tan tetapi tidak melebihi 20 tan	240.00
3	Melebihi 20 tan tetapi tidak melebihi 25 tan	302.00
4	Melebihi 25 tan tetapi tidak melebihi 30 tan	362.00
5	Melebihi 30 tan tetapi tidak melebihi 35 tan	420.00
6	Melebihi 35 tan tetapi tidak melebihi 40 tan	474.00

BAHAGIAN 9
CAJ BAGI PENGALIHAN KONTENA KE RUANGAN PEMERIKSAAN KASTAM
[undang-undang kecil 36]

<i>Butiran</i>	<i>Jenis perkhidmatan</i>	<i>20 kaki panjang (RM)</i>	<i>40 kaki panjang dan ke atas (RM)</i>
1	Pengalihan kontena ke Ruangan Pemeriksaan Kastam di dalam terminal kontena	60.00	80.00

BAHAGIAN 10
CAJ PENYIMPANAN BAGI KONTENA DI RUANGAN PEMERIKSAAN KASTAM
[perenggan 37(1)]

<i>Butiran</i>	<i>Jenis perkhidmatan</i>	<i>20 kaki panjang (RM)</i>	<i>40 kaki panjang dan ke atas (RM)</i>
1	Caj penyimpanan bagi kontena yang disimpan di Ruangan Pemeriksaan Kastam	10.00 bagi setiap 24 jam atau sebahagian daripadanya	15.00 bagi setiap 24 jam atau sebahagian daripadanya

BAHAGIAN 11
CAJ PENYIMPANAN BAGI KONTENA DI SBK
[perenggan 38(1)]

<i>Butiran</i>	<i>Jenis perkhidmatan</i>	<i>20 kaki panjang (RM)</i>	<i>40 kaki panjang dan ke atas (RM)</i>
1	Caj penyimpanan bagi kontena yang disimpan di SBK	10.00 bagi setiap 24 jam atau sebahagian daripadanya	15.00 bagi setiap 24 jam atau sebahagian daripadanya

BAHAGIAN 12
CAJ BAGI PENERIMAAN KARGO DI SBK
[undang-undang kecil 39]

<i>Butiran</i>	<i>Masa penerimaan di SBK</i>	<i>Bagi setiap lori (RM)</i>
1	Kargo diterima di SBK dari jam 0700 hingga jam 1800 tanpa kehendak tempahan	Tiada
2	Kargo diterima di SBK dari jam 1801 hingga jam 2300 dengan tempahan	Tiada
3	Kargo diterima di SBK dari jam 1801 hingga jam 2300 tanpa tempahan	50.00
4	Kargo diterima di SBK dari jam 2301 hingga jam 0659 dengan atau tanpa tempahan	50.00

BAHAGIAN 13
CAJ PENGENDALIAN SBK BAGI KARGO
IMPORT ATAU EKSPORT
[subperenggan 40(a)]

<i>Butiran</i>	<i>Jenis perkhidmatan</i>	<i>Bagi setiap kontena bagi setiap syif atau sebahagian daripadanya</i>	
		<i>20 kaki panjang (RM)</i>	<i>40 kaki panjang dan ke atas (RM)</i>
1	Pengendalian kargo import atau eksport di SBK	210.00	315.00
2	Caj tambahan sebagai tambahan kepada butiran 1 bagi mengisi tanah liat secara pukal dengan menggunakan penyodok	22.00	44.00

BAHAGIAN 14
CAJ PENGENDALIAN SBK BAGI KARGO YANG TIDAK DIEKSPORT
[perenggan 40(b)]

<i>Butiran</i>	<i>Jenis perkhidmatan</i>	<i>Bagi setiap tan metrik atau sebahagian daripadanya (RM)</i>
1	Pengendalian kargo yang tidak diekспорт	
	(a) Dipaletkan/diunitkan	5.10
	(b) Kargo dalam bandela atau dalam berkas, kayu gergaji	5.10
	(c) Konkrit, keluli	6.80
	(d) Kargo yang dibegkan	5.70
	(e) Kargo dalam tong	5.10
	(f) Barang berbahaya Kumpulan III	10.20
	(g) Kenderaan dua tan dan kurang	39.60
	(h) Kenderaan melebihi dua tan	50.90
	(i) Kargo kering yang lain	8.50

BAHAGIAN 15
CAJ SBK BAGI PENGHANTARAN LEWAT KARGO, PENERIMAAN LEWAT ARAHAN
PENGISIAN, DAN PELEPASAN LEWAT DARIPADA PIHAK BERKUASA ZON BEBAS DAN
KASTAM
[undang-undang kecil 41]

<i>Butiran</i>	<i>Jenis perkhidmatan</i>	<i>Bagi setiap kontena bagi setiap syif atau sebahagian daripadanya (RM)</i>	
		<i>20 kaki panjang</i>	<i>40 kaki panjang dan ke atas</i>
1	Menerima kargo pecah pukat bagi pengisian kurang daripada 36 jam sebelum masa sebenar penghimpitan vesel yang dilantik	45.00	70.00
2	Menerima arahan pengisian kurang daripada 12 jam sebelum masa sebenar penghimpitan vesel yang dilantik	45.00	70.00

3	Menerima pelepasan daripada Pihak Berkuasa Zon Bebas atau Kastam bagi kontena KMK dan KMP kurang daripada 12 jam sebelum masa sebenar penghimpitan vesel yang dilantik	45.00	70.00
---	--	-------	-------

BAHAGIAN 16
CAJ PENYIMPANAN BAGI KARGO DI SBK
[perenggan 42(1)]

<i>Butiran</i>	<i>Jenis kargo</i>	<i>Gudang (Bagi setiap tan atau sebahagian daripadanya) (RM)</i>	<i>Tempat simpanan terbuka (Bagi setiap tan atau sebahagian daripadanya) (RM)</i>
1	Kargo pukal atau pecah pukal		
	(a) barang tidak berbahaya KMP atau KMK eksport		
	(i) hari ketujuh hingga hari keempat belas	1.50 (penambahan 0.50 bagi setiap hari tambahan)	0.75 (penambahan 0.25 bagi setiap hari tambahan)
	(ii) minggu ketiga	10.50	5.25
	(iii) selepas minggu ketiga	Penambahan 5.50 bagi setiap minggu tambahan atau sebahagian daripadanya	Penambahan 2.75 bagi setiap minggu tambahan atau sebahagian daripadanya
	(b) barang tidak berbahaya KMP atau KMK import		
	(i) hari keempat hingga hari keempat belas	1.50 (penambahan 0.50 bagi setiap hari tambahan)	0.75 (penambahan 0.25 bagi setiap hari tambahan)
	(ii) minggu ketiga	13.50	7.25

	(iii) selepas minggu ketiga	Penambahan 7.00 bagi setiap minggu tambahan	Penambahan 4.00 bagi setiap minggu tambahan
2	(a) Penyimpanan barang berbahaya Kumpulan III import		
	(i) tiga hari yang pertama apabila dikeluarkan isi dari kontena	2.25	
	(ii) hari keempat hingga hari keempat belas bagi setiap hari atau sebahagian daripadanya	3.00	
	(iii) minggu ketiga dan minggu-minggu yang berikutnya bagi setiap minggu atau sebahagian daripadanya	10.50	
	(b) Penyimpanan barang-barang berbahaya Kumpulan III eksport		
	(i) enam hari yang pertama apabila diterima di SBK	2.25	
	(ii) hari ketujuh sehingga hari keempat belas bagi setiap hari atau sebahagian daripadanya	3.00	
	(iii) minggu ketiga dan minggu- minggu yang berikutnya bagi setiap minggu atau sebahagian daripadanya	8.25	
3	Kargo eksport yang ditinggalkan kapal	4.00 bagi setiap minggu atau sebahagian daripadanya	
		<i>Bagi setiap kenderaan/ bagi setiap hari atau sebahagian daripadanya (RM)</i>	<i>Bagi setiap kenderaan/ bagi setiap hari atau sebahagian daripadanya (RM)</i>
4	Kenderaan		
	(a) kenderaan sehingga dua tan (b) kenderaan yang melebihi dua tan	4.00 5.00	2.00 3.00

	(c) motosikal, skuter, basikal, basikal beroda tiga, kereta sorong	1.50	1.00
--	--	------	------

BAHAGIAN 17
CAJ PEMINDAHAN BAGI KARGO YANG MELEBIHI TEMPOH PENYIMPANAN PERCUMA DI
SBK
[perenggan 42(6)]

<i>Butiran</i>	<i>Jenis perkhidmatan</i>	<i>Bagi setiap tan atau sebahagian daripadanya (RM)</i>
1	Pemindahan kargo pecah pukal yang disimpan di dalam SBK ke lokasi lain apabila melebihi tempoh penyimpanan percuma	4.40

BAHAGIAN 18
CAJ MASA PENUTUPAN BAGI MENERIMA KONTENA EKSPORT DI TERMINAL
[undang-undang kecil 43]

<i>Butiran</i>	<i>Caj masa penutupan</i>	<i>Bagi setiap kontena</i>	
		<i>20 kaki panjang (RM)</i>	<i>40 kaki panjang dan ke atas (RM)</i>
1	Penerimaan kontena di terminal kontena kurang daripada lapan jam sebelum anggaran masa ketibaan vesel	45.00	70.00

BAHAGIAN 19
CAJ KONTENA YANG DITINGGALKAN KAPAL ATAU PENUKARAN VESEL
[undang-undang kecil 44]

<i>Butiran</i>	<i>Ditinggalkan kapal atau penukaran vesel</i>	<i>Bagi setiap kontena</i>	
		<i>20 kaki panjang</i> <i>(RM)</i>	<i>40 kaki panjang dan ke atas</i> <i>(RM)</i>
1	Kontena yang diterima tetapi tidak dipapalkan di atas pelayaran asal vesel yang dilantik dan kemudiannya dipapalkan melalui pelayaran vesel yang lain	45.00	70.00
2	Kontena diambil semula oleh pekapal	90.00	140.00

BAHAGIAN 20
